

Tinjauan Ekonomi Antarabangsa

Tinjauan keseluruhan

Ekonomi dunia terus berkembang pada tahap yang memuaskan dan dijangka mencapai pertumbuhan sebanyak 4% pada tahun 1995. Pada awal tahun, perkembangan di pasaran kewangan dan tanda-tanda bahawa pertumbuhan di negara-negara perindustrian mungkin lemah sedikit menambahkan ketidaktentuan dan mengancam prospek pemulihan yang lebih meluas dan mampan di kalangan negara-negara perindustrian terutamanya apabila aktiviti ekonomi di Amerika Syarikat (AS) semakin lembab berserta pula dengan prospek negara Jepun yang tidak menentu. Ekonomi dunia walau bagaimanapun, dapat bertahan dalam keadaan ketidakstabilan di pasaran-pasaran kewangan sementara kebimbangan bahawa inflasi akan meningkat di negara-negara perindustrian telah reda. Kadar faedah jangka panjang di kebanyakan negara-negara perindustrian turut lega setelah naik dengan mendadak berikutan kenaikan kadar hasil bon pada tahun 1994 dan kesan daripada krisis kewangan Mexico telah dapat dikawal, sementara pertumbuhan telah kekal kukuh di kebanyakan negara-negara pasaran baru muncul.

Perdagangan Dunia

Berikutan pemulihan semula yang luar biasa pada tahun 1994, yang mana jumlah dagangan barangan dan perkhidmatan dunia telah meningkat hampir 10%, perkembangan perdagangan dijangka terus pantas pada tahun 1995 pada paras 8%. Import barangan input yang tinggi oleh negara-negara perindustrian yang mempunyai kadar pertukaran yang tinggi, peningkatan perdagangan di kalangan negara-negara membangun dan pemulihan perdagangan yang berterusan di negara-negara peralihan adalah di antara beberapa faktor yang menyumbang kepada kekukuhan

perdagangan antarabangsa. Corak aliran perdagangan dunia dijangka banyak dipengaruhi oleh perubahan dalam kadar pertukaran wang. Bahagian pasaran Jepun dijangka akan terus berkurangan; pada masa yang sama, dalam masa yang singkat, import negara itu dijangka meningkat meskipun daripada paras yang rendah. Sebaliknya, kebanyakan negara-negara Asia, terutamanya Hong Kong, China, Korea Selatan dan Taiwan dijangka terus dapat menambahkan bahagian pasaran masing-masing.

Pasaran Kewangan Antarabangsa

Dalam tempoh setahun setengah kebelakangan ini, pasaran pertukaran dan kewangan agak bergelora, berikutan perubahan-perubahan sentimen pasaran sejajar dengan tanggapan perubahan-perubahan risiko akan berlaku. Walaupun kerap kali sukar untuk menjustifikasikan konsistensi antara perubahan-perubahan sentimen pasaran dengan perubahan fundamental ekonomi, pertambahan besar kadar hasil bon yang berlaku sepanjang tahun 1994, pergerakan aliran modal yang besar dan kadar pertukaran yang tidak teratur pada awal tahun 1995, pada hakikatnya mencerminkan kesangsian terhadap keupayaan kerajaan-kerajaan dalam menangani masalah ekonomi, serta juga ketidakseimbangan dan kelemahan dasar. Secara khususnya, pasaran telah menumpukan pandangan kepada risiko berikutan tekanan harga, dasar fiskal yang tidak mampan atau ketidakseimbangan sektor luar, ketegangan perdagangan dan kredibiliti kadar pertukaran yang ditetapkan.

Menjelang pertengahan bulan Ogos 1995, perkembangan kadar pertukaran menunjukkan tanda-tanda yang pada umumnya lebih sehaluan dengan fundamental ekonomi. Terdapat persepsi bahawa nilai dolar AS telah cukup jatuh ke bawah paras yang sesuai dari segi perkiraan ekonomi

(terutamanya berbanding dengan yen). Pasaran juga berpandangan bahawa Rizab Persekutuan (Federal Reserve) tidak akan menurunkan kadar faedah jangka pendek meskipun ekonomi AS terus mengalami kelembapan. Sementara itu, Bank Jepun menurunkan kadar faedah jangka pendek sementara Kementerian Kewangan negara itu melonggarkan peraturan-peraturan yang menghadkan keupayaan syarikat-syarikat insurans daripada memegang aset luar negeri. Di Eropah, persepsi bahawa Bundesbank akan menurunkan kadar faedah telah menyokong kadar pertukaran beberapa matawang lemah dan membolehkan penurunan kadar faedah di beberapa negara. Dengan wujudnya berbagai-bagai keadaan ini, campurtangan yang bersepadu oleh beberapa bank pusat utama di negara-negara perindustrian mendorong kepada perubahan dalam pasaran pertukaran wang asing. Perubahan yang paling penting adalah penurunan nilai yen Jepun sebanyak 9.5%. Dolar AS naik sebanyak 15% berbanding yen Jepun dan sebanyak 5% berbanding deutsche mark dan matawang-matawang Eropah berbanding dengan kadar pertukaran pada bulan Jun 1995. Pound sterling United Kingdom juga naik sebanyak 2% berbanding deutsche mark tetapi turun sedikit berbanding dolar AS. Di Jepun harga ekuiti meningkat sebanyak kira-kira 9% sejak penghujung bulan Julai 1995. Kadar faedah rasmi telah turun di Jerman, Perancis dan beberapa negara Eropah lain. Pergerakan kadar pertukaran secara lebih teratur ini dijangka dapat memastikan pertumbuhan tanpa inflasi bagi jangka masa yang lebih panjang.

Selepas kelembapan yang ketara pada penghujung tahun 1994 dan separuh pertama tahun 1995, pertumbuhan aliran modal swasta ke negara-negara membangun meningkat semula sungguhpun secara perlahan-lahan. Sungguhpun pengaliran masuk semula modal ke negara-negara membangun dijangka tidak akan mencapai tahap seperti yang tercatat pada tahun-tahun 1991-1993, kesinambungan dan pengukuhan dasar-dasar pasaran di negara-negara membangun tertentu, bersama-sama prospek pertumbuhan yang mantap, dijangka membawa kepada trend aliran masuk modal yang kian bertambah. Pada tahun 1995, aliran modal bersih ke negara-negara membangun dijangka sekitar AS\$118 bilion (1994: AS\$138 bilion) tetapi jumlah ini tidak menggambarkan variasi-variasi di dalam komposisi aliran modal dan perbezaan antara negara-negara dan rantau. Pelaburan asing langsung (FDI) yang berada pada

tahap yang stabil pada tahun 1994 telah merosot sedikit pada tahun 1995. Pelaburan asing langsung sebagai komposisi utama aliran modal swasta ke negara-negara membangun dijangka mencapai 40% (1994: 20%), dan merupakan bahagian yang terbesar bagi aliran modal keseluruhannya. Di kalangan negara-negara membangun, Asia, terutamanya Asia Timur dijangka menerima AS\$53 bilion (1994 : AS\$73 bilion) berikutan peningkatan pendapatan eksport, dan kenaikan nilai yen, bersama dengan pasaran modal yang liberal yang dijangka mengekalkan tarikan pelaburan asing langsung ke rantau ini, terutamanya dari Jepun. Sehingga pertengahan tahun 1995, pelaburan asing langsung Jepun di Asia Timur dianggarkan meningkat kepada AS\$9.7 bilion daripada AS\$6.6 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun 1994. Bagi Amerika Latin keseluruhannya, aliran masuk modal swasta dijangka mencapai AS\$34 bilion (1994: AS\$42 bilion), dengan nilai terbesar ke Chile.

Sebaliknya, aliran portfolio yang telah merosot dengan ketara pada tahun 1994 akibat kenaikan kadar faedah di negara-negara perindustrian, jatuh mendadak pada separuh pertama tahun 1995. Kesan dari krisis kewangan Mexico sangat dirasai di pasaran ekuiti baru muncul dengan penurunan harga ekuiti yang mendadak. Walau bagaimanapun ekonomi Asia Timur menunjukkan keutuhan dan mengalami penurunan aliran portfolio yang kurang ketara. Pasaran melonjak naik pada suku kedua tahun 1995 dan harga ekuiti menunjukkan pemulihan yang nyata, sebahagiannya disebabkan dorongan keuntungan berbanding yen Jepun. Pada penghujung bulan Mei 1995, harga saham di Indonesia, Malaysia, Filipina dan Thailand kembali ke paras sebelum krisis kewangan Mexico.

Di Amerika Latin, selepas pengaliran keluar modal yang besar berikutan kejatuhan nilai peso Mexico pada bulan Disember 1994, pasaran saham di Argentina, Brazil dan Mexico mula pulih pada pertengahan tahun 1995 sejajar dengan pengurangan kadar hasil bon di negara-negara perindustrian dan keyakinan yang kian meningkat di kalangan pelabur-pelabur bahawa program-program untuk menstabilkan ekonomi berjalan lancar. Walau bagaimanapun, kecuali Chile, di mana kesannya adalah yang terkecil, harga lebih rendah dari paras pada pertengahan bulan Disember 1994.

Kedudukan Ekonomi Negara-negara Perindustrian

Pertumbuhan Pengeluaran

Prospek ekonomi negara-negara perindustrian pada keseluruhannya adalah baik meskipun terdapat kejatuhan pengeluaran perindustrian di beberapa buah negara utama di samping beberapa pertumbuhan negatif pada separuh pertama tahun 1995. Pergerakan kadar faedah jangka panjang di seluruh dunia pada tahun 1994, yang mana menguatkan kesan kepada langkah-langkah mengetatkan dasar kewangan di beberapa negara, merupakan faktor utama dalam mempengaruhi keyakinan pengguna dan mengawal kadar penggunaan dan pelaburan di sektor perumahan. Pertumbuhan upah benar yang rendah dan kenaikan cukai di beberapa negara juga mengekang penggunaan swasta. Kesan limpahan krisis kewangan Mexico ke atas rakan dagangan utama, terutamanya AS dan kesan negatif kenaikan kadar pertukaran ke atas prospek eksport di Jerman (dan beberapa negara lain yang matawang hampir seragam dengan deutsche mark), dan di Jepun berlakunya pemberhentian seketika dalam pemulihan ekonomi baru-baru ini. Pertumbuhan di negara-negara perindustrian secara keseluruhannya dijangka sebanyak 2.5% pada tahun 1995 (1994: 3.1%), berbanding jangkaan awal sebanyak 3%.


Di kebanyakan negara, penggunaan swasta dijangka sederhana dalam beberapa bulan terakhir tahun 1995, sementara penggunaan awam dijangka meningkat dengan kadar yang rendah berikutan tindakan untuk mengawal pertumbuhan perbelanjaan awam. Sebaliknya, pelaburan sebagai komponen utama permintaan terus kukuh secara umumnya. Kadar penggunaan kapasiti yang tinggi di beberapa negara serta keuntungan yang nyata dalam beberapa tahun terakhir ini, penstrukturan semula yang berterusan di bawah tekanan persaingan antarabangsa dan pelaburan asing langsung yang tinggi dijangka menolong menaikkan tahap pelaburan dan mendorong pertumbuhan dagangan barangan modal yang pesat.

Di **Amerika Syarikat (AS)**, aktiviti ekonomi menjadi agak perlahan pada separuh pertama tahun 1995 tetapi meningkat dengan kadar sederhana pada separuh kedua tahun 1995. Peningkatan semula aktiviti ekonomi ini didahului oleh penambahan pelaburan tetap perniagaan,

pembetulan penyediaan inventori yang telah mengurangkan pengeluaran sebelum tempoh itu dan peningkatan eksport bersih. Walau bagaimanapun, perbelanjaan isi rumah dan perniagaan-perniagaan kecil dijangka masih lagi berhati-hati. Pada tahun 1995, ekonomi AS dijangka menjadi perlahan pada tahap 2.8% (1994: 4.1%) kesan dari kenaikan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan, dengan itu pertumbuhan akan menurun ke paras yang lebih bersesuaian dan inflasi dapat dikawal. Jangkaan kelembapan ini adalah selaras dengan objektif Kerajaan AS untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang boleh dikekalkan setelah tiga tahun berturut-turut mengalami pertumbuhan yang pesat. Prestasi ekonomi AS dalam beberapa segi adalah sama dengan prestasi negara-negara perindustrian utama yang lain. Ini disebabkan oleh dasar yang baik, terutamanya pengurusan kewangan dan pengurangan yang besar dalam defisit belanjawan Kerajaan Persekutuan. Pemulihan nilai dolar mulai bulan Ogos 1995 mengurangkan kebimbangan bahawa nilai dolar yang terlalu lemah mungkin boleh menyebabkan berlakunya inflasi di masa hadapan. Pada nilai dolar sekarang, industri-industri di AS dijangka dapat terus bersaing dan masih ada ruang untuk memperbaiki imbalan akaun semasa.

Di **Jepun**, prestasi ekonomi sepanjang tahun 1995 agak rapuh dan tidak menentu. Kelemahan dalam pengeluaran disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, pelaburan swasta yang lazimnya merupakan penggerak utama pemulihan ekonomi masih berada pada tahap yang tertekan kerana firma-firma terus berusaha melabur stok modal yang terkumpul semasa pertumbuhan pesat yang lalu. Kedua, kejatuhan harga hartanah dan ekuiti yang ketara telah mengakibatkan pengurangan yang besar dalam penggunaan dan pelaburan perumahan, berikutan bank-bank, pengusaha-pengusaha swasta dan isi rumah cuba memperbaiki kedudukan kewangan mereka dengan mengawal perbelanjaan. Pelaburan dan penggunaan semakin tertekan oleh kenaikan nilai yen dengan kadar lebih daripada 40% sejak tahun 1990, membawa tekanan ke atas upah, harga dan keuntungan. Peningkatan permintaan di sektor pembinaan yang dijangka berlaku selepas kejadian gempa bumi di Hanshin telah tidak berlaku kerana kesukaran dalam memulakan pembinaan semula di kawasan yang dilanda gempa bumi dan penangguhan projek perumahan disebabkan adanya jangkaan kejatuhan kadar faedah. Pada bulan Ogos 1995, penurunan nilai yen yang melebihi 9% dan pemulihan pasaran ekuiti Jepun telah mengurangkan risiko genangan

Carta 3.1
Negara-Negara Perindustrian -
Petunjuk-Petunjuk Ekonomi Utama



1/ Harga pengguna

Sumber : IMF World Economic Outlook , September 1995
dan laporan - laporan lain

ekonomi Jepun yang lembab, sementara prospek pemulihan ekonomi telah bertambah baik. Bagi tahun 1995, secara keseluruhannya, keluaran dalam negara kasar (KDNK) Jepun dijangka tidak melebihi 0.5%.


Di **Eropah Barat**, pertumbuhan dijangka meningkat daripada 2.5% pada tahun 1994 kepada 3% pada tahun 1995, didahului oleh pertumbuhan yang meluas di dua buah negara terbesar, Jerman dan Perancis. Di **Jerman**, ketegangan keadaan kewangan beransur pulih dalam tempoh tiga tahun telah membawa kepada pemulihan yang berterusan dengan pertumbuhan KDNK untuk tahun 1995 dijangka mencapai 3.1% (1994: 2.9%). Di samping peningkatan penggunaan swasta berikutan kenaikan upah, dan guna tenaga, dan kurangnya kesan kenaikan cukai yang diperkenalkan pada bulan Januari 1995, pelaburan tetap perniagaan dijangka lebih kukuh pada separuh kedua tahun 1995, menggantikan eksport sebagai penggerak utama pertumbuhan. Pengukuhan nilai dolar AS sejak bulan Ogos 1995

dan pengenduran dasar kewangan juga dijangka menyumbang kepada pertumbuhan di Jerman pada tahun 1995. Deutsche mark dijangka terus teguh tetapi ianya tidak melemahkan pertumbuhan eksport Jerman. **Perancis** juga dijangka mengalami pertumbuhan yang baik iaitu sebanyak 3% pada tahun 1995 (1994: 2.8%), walaupun eksport telah terjejas pada awal tahun berikutan kenaikan nilai matawang Perancis. Pengecualian cukai yang baru diberi telah mendorong kepada permintaan pelaburan yang tinggi dan peningkatan semula penggunaan isi rumah, yang mana adalah juga berikutan dari penambahan guna tenaga dan kejatuhan nisbah tabungan. Eksport dijangka meningkat semula berikutan nilai franc menjadi lebih seragam dengan matawang-matawang Eropah yang lain. Aktiviti ekonomi **United Kingdom** (UK) dijangka berkurangan kepada 2.7% pada tahun 1995 (1994: 3.8%), hasil dari dasar fiskal dan kewangan yang ketat. Kadar pertumbuhan yang perlahan ini dianggap mampu dikekalkan tanpa mengakibatkan inflasi. Namun demikian, penambahan defisit perdagangan dengan negara-negara dagangan utama di Eropah, kadar inventori yang tinggi, pertumbuhan di bawah jangkaan di sektor tenaga dan kejatuhan mendadak dalam sektor pembinaan, boleh menjadi risiko-risiko yang menjejaskan pertumbuhan ekonomi UK.

Inflasi

Kemungkinan tidak akan berlakunya peningkatan kadar inflasi di negara-negara perindustrian merupakan satu faktor yang menggalakkan. Penurunan inflasi di negara-negara perindustrian - kecuali Itali - merupakan satu pencapaian besar badan-badan kewangan. Ianya hasil dari dasar kewangan yang ketat, walaupun kelemahan di beberapa negara pada peringkat awal tempoh pemulihan merupakan salah satu faktor. Pada tahun 1995, inflasi dijangka dapat dikawal dan kebanyakan negara perindustrian hampir mencapai kestabilan harga yang berpatutan selepas tiga tahun mengamalkan dasar-dasar yang ketat dan menjalankan usaha-usaha memperkukuhkan dasar fiskal. Namun demikian, usaha yang berterusan diperlukan untuk menghindar dari kenaikan semula harga sebagaimana dijangka berlaku di beberapa negara berikutan inflasi upah dan kenaikan harga komoditi. Negara-negara yang mengalami kemerosotan nilai kadar pertukaran sedang menghadapi kesukaran dalam mempertahankan pemulihan dari tekanan inflasi dan mencapai matlamat-matlamat inflasi yang dikehendaki. Walau

Carta 3.2
Arah Aliran Penentu Ekonomi
Negara-Negara Perindustrian



1/ Angka bagi 1995 adalah anggaran.

2/ Kadar faedah purata yang diwajibkan oleh nilai purata dalam dolar AS.

3/ Kadar purata hasil atas bon-bon kerajaan.

4/ Sehingga bulan June 1995.

5/ Akhir tempoh kecuali 1995, sehingga pertengahan bulan September.

Sumber : IMF World Economic Outlook, September 1995.

bagaimanapun, pengawasan yang berterusan oleh badan-badan kewangan, jangkaan inflasi yang rendah seperti yang digambarkan oleh kejatuhan kadar faedah jangka panjang dan peningkatan produktiviti dijangka mengekalkan inflasi hampir kepada 2.6% pada tahun 1995.

Di **AS**, kadar faedah dan tekanan upah yang sederhana, kenaikan harga minyak mentah dan barangan perantaraan serta kelemahan nilai dolar telah menambahkan tekanan harga. Walau bagaimanapun, kenaikan upah yang sederhana dan perkembangan faedah-faedah pekerja yang perlahan menolong mengekang kenaikan inflasi secara keseluruhan. Pada tahun 1995, inflasi dijangka dapat dibendung pada sekitar 3% (1994: 2.6%) berikutan tindakan Rizab Persekutuan terus mengawasi harga secara teliti. Inflasi di **Jepun** kekal pada paras 0.3% (1994: 0.7%) dengan adanya penurunan harga import, peningkatan daya saing di pasaran runcit dan beberapa kelemahan sampingan. Tekanan inflasi di **Jerman** juga berkurangan, hasil dari pengurusan kewangan yang mantap dan kejayaan pengukuhan dasar fiskal selepas penyatuan Jerman, serta juga kenaikan nilai kadar pertukaran. Inflasi dijangka hampir atau di bawah kadar 2% pada tahun 1995 (1994: 3.1%). Di **Perancis**, inflasi juga dijangka pada kadar 2% (1994: 1.9%) memandangkan jurang pengeluaran yang masih wujud, kadar pertukaran franc yang efektif dapat dikawal, kenaikan harga import yang sederhana (biarpun harga komoditi antarabangsa naik mendadak) dan hanya sedikit kenaikan harga buruh. Di **UK**, kadar inflasi dijangka naik sedikit kepada 2.9% (1994: 2.4%), menunjukkan kenaikan harga runcit dan harga komoditi seperti yang dapat dilihat daripada inflasi harga pengeluaran. Pengukuhan nilai pound sterling berbanding matawang-matawang utama Eropah juga menolong mengawal tekanan inflasi.

Pengangguran

Di beberapa negara perindustrian, pemulihan ekonomi membawa kesan positif terhadap peluang pekerjaan. Secara keseluruhan, pengangguran (yang berada pada tahap tertinggi pada tahun 1994) di negara-negara perindustrian sebagai satu kumpulan dijangka turun kepada 7.8% (1994: 8.1%). Walau bagaimanapun, kadar pengangguran di Eropah dijangka meningkat kepada 10% daripada jumlah tenaga buruh. Ini adalah kerana kemajuan dalam penyusunan semula struktur

Jadual 3.1

**Negara-negara Perindustrian Terpilih—
Petunjuk-petunjuk Ekonomi Utama
(1992-1996)**

	<i>Negara-negara Perindustrian</i>	<i>Amerika Syarikat</i>	<i>Jepun</i>	<i>Jerman</i>	<i>United Kingdom</i>
Pertumbuhan KDNK Benar (%)					
<i>Tahun</i>					
1992	1.5	2.3	1.1	2.1	-0.5
1993	1.2	3.1	0.1	-1.2	2.0
1994	2.9	4.1	0.6	2.7	3.8
1995 ^a	2.5	2.8	0.4	3.1	3.4
1996 ^u	2.4	2.3	1.5	2.9	3.0
Inflasi¹ (%)					
<i>Tahun</i>					
1992	3.3	3.0	1.7	4.9	4.7
1993	2.9	3.0	1.3	4.7	3.0
1994	2.4	2.6	0.7	2.2	2.4
1995 ^a	2.6	3.1	0.3	2.1	2.9
1995 ^u	2.7	3.5	0.7	2.3	2.8
Pengangguran (%)					
<i>Tahun</i>					
1992	7.6	7.4	2.2	7.7	9.9
1993	8.0	6.8	2.5	8.9	10.2
1994	8.1	6.1	2.9	9.6	9.2
1995 ^a	7.8	5.6	3.1	9.2	8.2
1996 ^u	7.6	5.7	3.1	8.7	7.6
Imbangan Akaun Semasa (AS\$ bilion)					
<i>Tahun</i>					
1992	-68.6	-68.4	117.6	-21.6	-17.3
1993	-8.9	-103.9	131.4	-14.7	-17.7
1994	-37.0	-155.7	129.3	-23.7	-0.3
1995 ^a	-17.9	-193.4	134.6	-17.5	-1.5
1996 ^u	-15.9	-188.2	126.6	-31.2	-1.3

¹ Harga Pengguna

^a anggaran

^u unjuran

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 1995, OECD Economic Outlook June 1995 dan sumber-sumber rasmi.

pasaran buruh yang penting untuk mengukuhkan keupayaan ekonomi melahirkan peluang pekerjaan baru memakan masa. Untuk menangani masalah pengangguran struktur yang besar di Eropah, usaha dijalankan untuk melaksanakan dasar-dasar pasaran buruh dan sosial untuk menggalakkan firma-firma mewujudkan banyak peluang pekerjaan dan menyediakan insentif latihan semula serta mendorong penganggur-penganggur menerima tawaran-tawaran pekerjaan.

Pengangguran di **AS** dijangka menurun kepada 5.6% pada tahun 1995 (1994: 6.1%) apabila pasaran buruh menjadi lebih anjal, sementara pengangguran struktur tidak menunjukkan pertambahan dalam jangka panjang. Kekangan pasaran buruh di beberapa kawasan di AS telah menimbulkan tekanan untuk menaikkan kadar pampasan benar tetapi ini tidak begitu ketara. Sehubungan ini, kenaikan harga buruh adalah kecil. AS masih mendahului negara-negara perindustrian yang lain dalam produktiviti dan dijangka akan terus melonjak menerusi pelaksanaan program latihan dan pendidikan yang baru. Kadar pengangguran di **Jepun** dijangka meningkat kepada 3.1% pada tahun 1995 (1994: 2.9%), yang mana dikira tinggi mengikut ukuran negara itu. Sektor korporat telah mengurangkan tindakan pengambilan pekerja baru kerana adanya tekanan ke atas keuntungan. Jangkaan kehilangan pekerjaan di sektor perkhidmatan perbankan dan kewangan juga diramal akan mengecilkan peluang pekerjaan pada tahun 1995. Di **Jerman**, kejayaan yang telah dicapai adalah terlalu kecil dalam menangani masalah pengangguran struktur dan masalah ini terus menjadi masalah utama negara itu. Pengangguran dijangka mencatat 9.2% pada tahun 1995 (1994: 9.6%) meski pun berlakunya peningkatan aktiviti ekonomi oleh kerana adanya kaitan antara perlindungan sosial, dan perbezaan upah yang rendah dengan pengangguran struktur yang tinggi. Kadar pengangguran di **Perancis** berada pada paras 12.5% pada pertengahan tahun 1994 diramalkan kekal tinggi iaitu 12% pada tahun 1995. Penurunan secara perlahan adalah disebabkan penawaran buruh yang meningkat dalam masa singkat dan pengurangan jumlah golongan mereka yang bekerja sendiri. Pengangguran di **UK** telah turun dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini. Pada tahun 1995, pengangguran dijangka turun sedikit kepada 8.2% daripada jumlah tenaga buruh (1994: 9.2%) berikutan peningkatan pekerjaan terutamanya kerja separuh masa.

Imbangan Pembayaran

Ketidakseimbangan antarabangsa yang besar dijangka terus kekal. Defisit akaun semasa AS diramal terus meningkat melebihi AS\$35 bilion pada tahun 1995 hingga mencapai AS\$180 bilion atau 2.5% daripada KDNK. Pertambahan ini adalah kerana sumbangan AS untuk membantu defisit luar negeri Mexico. Lebihan akaun semasa Jepun dijangka merosot kepada 2.4% daripada KDNK pada tahun 1995 (2.8%: 1994). Lebihan ini juga merosot dalam nilai yen tetapi tidak berubah dalam nilai dolar AS, iaitu sekitar AS\$128 bilion pada tahun 1995, disebabkan kejatuhan nilai dolar berbanding yen pada awal tahun 1995. Peningkatan defisit akaun semasa AS ini dapat dilihat dari kenaikan nilai lebihan akaun semasa beberapa negara Eropah di mana dijangka bertambah sebanyak AS\$25 bilion pada tahun 1995 kepada AS\$52 bilion dan pengurangan defisit akaun semasa Kanada dan Mexico, iaitu rakan dagangan AS di dalam Kawasan Dagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA).

Di kalangan negara-negara perindustrian utama yang mencatatkan defisit akaun semasa pada tahun 1995, defisit luar negeri Kanada dijangka melebihi separuh dari paras yang dicapai beberapa tahun lalu kepada AS\$11 bilion hasil dari penambahan daya saing dan pemulihan ekonomi AS. Perancis dijangka mencatat kenaikan kecil lebihan akaun semasa sebanyak AS\$9.8 bilion (1994: AS\$9.7 bilion). Defisit akaun semasa Jerman dijangka meningkat kepada AS\$19 bilion dari AS\$12 bilion pada tahun 1994, tetapi kekukuhan nilai deutsche mark akan mengubah kedudukan ini pada tahun 1996.

Kedudukan Ekonomi Negara-negara Membangun

Ekonomi negara-negara membangun keseluruhannya dijangka kekal pada haluan semasa, menikmati manfaat daripada harga-harga komoditi yang kukuh, pembukaan pasaran-pasaran eksport dan suasana perdagangan antarabangsa yang lebih liberal. Seperti tahun-tahun yang lalu, prestasi keseluruhan yang memberangsangkan ini tidak menunjukkan perbezaan antara dan di kalangan rantau. Pertumbuhan pesat di negara-negara membangun di Asia Selatan dan Timur

digugat oleh tekanan permintaan yang kuat tetapi dasar kewangan yang ketat dan aliran modal yang lebih sederhana dijangka mencegah ekonomi-ekonomi tersebut daripada berkembang terlalu pesat.

Amnya pertumbuhan negara-negara membangun perlahan sedikit pada tahun 1995, berikutan dasar-dasar yang lebih ketat serta aliran modal portfolio yang lebih sederhana berbanding dengan paras yang tinggi dialami pada tahun-tahun sebelum ini. Dalam beberapa kes, dasar-dasar yang ketat itu merupakan langkah tindakbalas berikutan kesan-kesan berjangkit krisis kewangan Mexico, sementara di negara-negara lain pula, langkah-langkah tersebut merupakan usaha bagi mengelakkan ekonomi menjadi terlalu pesat. Di kalangan negara-negara membangun, pertumbuhan yang perlahan paling dirasai di Amerika Latin, sementara perkembangan ekonomi yang kukuh di Asia diramalkan menjadi sederhana sedikit. Pertumbuhan di beberapa kawasan di Afrika dan di kebanyakan negara-negara Timur Tengah pula dijangka kukuh sedikit, hasil daripada usaha-usaha penyesuaian dan reformasi yang lebih bersungguh-sungguh.

Ekonomi-ekonomi ASEAN

Pada tahun 1995, kedudukan ekonomi negara-negara ASEAN dijangka terus mencatatkan kadar pertumbuhan yang pesat, disokong oleh perkembangan ekonomi dunia, pasaran serantau dan sedunia yang makin terbuka serta permintaan dalam negeri yang kukuh. Pada keseluruhannya, rantau ini diramalkan tumbuh pada kadar 7.8% pada tahun 1995 di mana Malaysia, Vietnam dan Thailand dijangka menerajui pertumbuhan pesat ini, diikuti oleh Singapura dan Indonesia. Pelaburan asing langsung ke rantau ini kekal kukuh oleh kerana dasar-dasar pelaburan asing ASEAN yang liberal berhasil mengekalkan kebersaingan rantau ini dan berjaya menarik aliran modal jangka panjang yang besar. ASEAN dijangka mencapai prestasi yang lebih baik lagi berikutan keputusan mempercepatkan pengwujudan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) pada 1 Januari 2003, iaitu dari lima belas tahun ke sepuluh tahun. Tahun 1995 juga menyaksikan kemasukan Vietnam ke ASEAN sebagai ahli ketujuh kumpulan serantau ini. Dengan kemasukan Vietnam, pasaran ASEAN terus berkembang dan telah bertambah kepada 420 juta penduduk.

Pengeluaran

Malaysia, Singapura dan Thailand dijangka menerajui pertumbuhan di rantau ini dengan kadar pertumbuhan KDNK antara 7.5% - 9% walaupun ahli baru Vietnam dijangka mencatat pertumbuhan yang tinggi sebanyak 9%. Pertumbuhan ini didorong oleh aliran pelaburan asing langsung yang kukuh setelah **Vietnam** dengan Amerika Syarikat berbaik semula pada bulan Ogos 1995. Setelah mencatatkan pertumbuhan dua digit dua tahun berturut-turut, ekonomi **Singapura** dijangka sederhana kepada satu paras yang mampan iaitu 7.5% pada tahun 1995 (1994: 10.1%) disebabkan pengeluaran yang lebih perlahan dalam industri petroleum, kelengkapan pengangkutan, dan cat dan ubat-ubatan. Pertumbuhan yang lebih perlahan ini disebabkan oleh kekangan bekalan serta kemerosotan kebersaingan barang-barang pembuatan Singapura akibat peningkatan nilai dolar Singapura. Selain itu, pihak berkuasa telah memperkenalkan beberapa langkah untuk mengurangkan kadar pertumbuhan ekonomi kepada satu paras yang mampan. Langkah-langkah ini termasuk mengetatkan pemberian kredit bertujuan melembapkan permintaan penggunaan sementara belanjawan yang berhemat diperkenalkan dengan menahan pemotongan cukai sementara tambahan perbelanjaan Kerajaan yang kecil sahaja dibenarkan. **Thailand** masih berada dalam keadaan pertumbuhan yang tinggi yang bermula sejak tahun 1993 dan dijangka mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8.5% pada tahun 1995 (1994: 8.5%). Beberapa langkah telah dilancarkan pada tahun 1994, termasuk meliberalisasi kawalan tukaran wang asing dan membenarkan syarikat-syarikat kewangan membuka pejabat-pejabat cawangan yang mengurus kemudahan kredit di kawasan-kawasan luar bandar. Kesemua langkah yang diambil telah membantu Thailand mengekalkan pertumbuhan yang stabil. Pelaburan kerajaan dijangka kukuh pada tahun 1995 sempena pelan induk baru yang diumumkan pada bulan November 1994. Rancangan ini bertujuan meningkatkan perbelanjaan pelaburan di kawasan luar bandar, terutamanya dalam infrastruktur dan perkhidmatan. Juga, harga-harga komoditi yang pada keseluruhannya tinggi dijangka mendorong pengeluaran pertanian di Thailand. Pertumbuhan di **Indonesia** dijangka berkembang sebanyak 7.3% pada tahun 1995 (1994: 6.5%), dirangsang oleh

pertumbuhan penggunaan swasta yang kukuh hasil dari undang-undang baru cukai yang berkuatkuasa pada bulan Januari 1995. Undang-undang baru ini memberi lebih insentif kepada korporat untuk meningkatkan keuntungan dan pendapatan bolehguna perseorangan yang lebih tinggi. Pertumbuhan pelaburan juga dijangka meningkat, memandangkan kadar faedah dalam negeri adalah rendah. Ramalan pertumbuhan untuk negara **Filipina** adalah cerah berikutan perkembangan sektor pembinaan dan eksport yang kukuh serta kestabilan politik yang semakin ketara. KDNK dijangka meningkat kepada 5% pada tahun 1995 (1994: 4.3%). **Malaysia** terus menikmati kadar pertumbuhan melebihi 9% disebabkan prestasi kukuh di sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan. Pada tahun 1995, hasil daripada amalan dasar-dasar fiskal dan kewangan yang hemat dan ketat, pertumbuhan dijangka mencapai 9.6% (1994: 9.2%). **Brunei**, walau bagaimanapun, dijangka terus mengalami kadar pertumbuhan yang negatif pada tahun 1995 (-2%) disebabkan harga minyak yang rendah.

Inflasi

Dengan pertumbuhan yang didorong oleh permintaan serta kemerosotan nilai mata wang rantau ini berbanding yen (kecuali dolar Singapura), ekonomi-ekonomi ASEAN mempunyai tanda-tanda pertumbuhan yang terlalu pesat. Pada tahun 1995, kadar inflasi ekonomi-ekonomi ASEAN dijangka mencapai 6.5% (1994: 5.9%). Indonesia dan Vietnam sedang mengalami kadar inflasi purata yang tinggi iaitu 12.9%. Di **Indonesia**, kerajaan dijangka meningkatkan usaha-usaha mengetatkan dasar fiskal untuk mengurangkan jumlah perbelanjaan dan pinjaman bersih sebanyak 0.5% daripada KDNK. Walau bagaimanapun, kenaikan gaji kakitangan awam sebanyak 10% telah menambah tekanan permintaan seperti yang dicerminkan oleh peningkatan harga makanan dan bukan-makanan. Kadar inflasi, walau bagaimanapun, telah mencapai paras yang tertinggi sebanyak 10% pada bulan Ogos dan selepas itu mencapai paras yang sederhana sebanyak 6.5% pada akhir separuh kedua tahun 1995. Kadar inflasi di **Filipina** dijangka berkurangan sedikit sahaja pada tahun 1995 kepada 8.5% (1994: 9%). Rancangan-rancangan reformasi struktur yang dilaksanakan oleh **Filipina** bertujuan mengekalkan pertumbuhan ekonomi makro yang mampan

dijangka dapat mengurangkan tekanan inflasi. Tanpa langkah-langkah tersebut, kadar inflasi dijangka bertambah memandangkan jumlah besar aliran dana asing langsung ke negara itu. **Vietnam** dijangka mencatat kadar inflasi sebanyak 17.3% pada tahun 1995, kadar yang tertinggi di ASEAN. Kadar yang tinggi ini mencerminkan pendapatan yang makin meningkat serta kesediaan barang pengguna di Vietnam. Faktor-faktor lain yang menyumbangkan kepada kadar inflasi yang tinggi ini adalah kerana harga-harga kawalan yang dikenakan ke atas barang-barang elektrik dan bahan api telah naik ke paras yang lebih tinggi disamping kenaikan gaji yang diluluskan untuk kakitangan awam. Inflasi di **Thailand** dijangka lembab pada kadar 4.8% pada tahun 1995 (1994: 5%) dengan penurunan kadar-kadar harga keluaran 'ex-farm'. Harga-harga produk pertanian dan makanan yang tinggi merupakan faktor utama mendorong peningkatan kadar inflasi pada tahun 1994. Langkah-langkah yang diambil oleh **Singapura** untuk mengetatkan pemberian kredit dijangka mengurangkan lagi kadar inflasi kepada 2.4% pada tahun 1995 (1994: 3.6%). Di samping itu, komponen-komponen inflasi yang akan diwajibkan semula untuk mencerminkan corak baru perbelanjaan dijangka menunjukkan pertumbuhan inflasi yang lebih rendah. **Malaysia** pula akan meneruskan usaha-usaha untuk mengawal harga-harga runcit dan pemborong supaya tekanan inflasi dapat dibendung. Kadar inflasi untuk tahun 1995 dijangka kekal pada 3.5% (1994: 3.7%). Ini menunjukkan iltizam kerajaan yang berterusan untuk membendung inflasi.

Perdagangan dan Imbangan Pembayaran

Kecuali Brunei dan Singapura, ekonomi-ekonomi ASEAN dijangka terus mencatat **defisit akaun semasa**. Jumlah defisit ASEAN pada keseluruhannya dianggarkan meningkat dengan ketara kepada AS\$18.4 bilion pada tahun 1995 berbanding dengan AS\$5.8 bilion pada tahun 1994. Sebahagian besar kenaikan ini disebabkan oleh kemerosotan nilai matawang ASEAN berbanding yen. Defisit akaun semasa **Indonesia** dijangka meningkat dengan bertambahnya import, sementara pendapatan eksport daripada minyak dan gas merosot disebabkan oleh pergerakan harga antarabangsa yang kurang baik. Thailand masih menghadapi pertumbuhan import yang tinggi,

Jadual 3.2
ASEAN: Keluaran Dalam Negeri Kasar, Inflasi dan Imbangan Akaun Semasa

	1994	1995 ^a	1996 ^u
Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (%)			
ASEAN	8.0	7.8	7.8
Brunei	-2.5	-2.0	-0.5
Indonesia	6.5	7.3	7.5
Malaysia	9.2	9.6	8.5
Filipina	4.3	5.0	5.6
Singapura	10.1	7.5	6.9
Thailand	8.5	8.5	8.6
Vietnam	8.8	9.0	10.0
Kadar Inflasi (%)			
ASEAN ¹	5.9	6.5	6.0
Brunei	3.0	3.5	5.0
Indonesia	8.5	9.6	9.6
Malaysia	3.7	3.5	—
Filipina	9.0	8.5	6.5
Singapura	3.6	2.4	2.2
Thailand	5.0	4.8	4.5
Vietnam	9.5	17.3	12.0
Imbangan Akaun Semasa (AS\$b)			
ASEAN	-5.8	-18.4	-18.2
Brunei	1.0	0.9	—
Indonesia	-2.9	-3.6	-2.6
Malaysia	-4.4	-7.3	-6.8
Filipina	-3.2	-4.5	-5.6
Singapura	11.9	4.5	5.0
Thailand	-7.1	-7.8	-8.1
Vietnam	-1.1	-1.2	-1.5

¹ Anggaran, diwajibkan berdasarkan bahagian relatif KDNK tahun 1988-1990.

^a Anggaran.

^u Unjuran.

Sumber: World Economic Outlook, September 1995, APEC Economies: Recent Developments and Outlook, November 1994.

terutamanya import kelengkapan modal dan barangan perantaraan untuk kegunaan pengeluaran berteknologi tinggi. Imbangan perdagangan **Thailand** dijangka merosot lagi pada tahun 1995 tetapi defisit akaun semasa yang makin meningkat tidak mencerminkan penggunaan malah ianya mencerminkan perbelanjaan pelaburan yang

tinggi. Walaupun **Filipina** mengalami pertumbuhan eksport dan pengiriman wang yang pesat, defisit akaun semasa negara tersebut dijangka meningkat lagi pada tahun 1995 (-AS\$4.5 bilion), disebabkan terutamanya oleh import barangan modal yang tinggi dan pelaburan, sementara penerimaan perkhidmatan dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan. Saiz imbalan akaun semasa **Vietnam** walaupun semakin bertambah dijangka akan diatasi oleh obligasi antarabangnya yang sederhana. **Malaysia** terus mengalami defisit akaun semasa dengan jumlah aliran keluar bayaran tambang dan insurans yang besar dan berterusan. **Singapura** pula dijangka terus mencatat lebih imbalan akaun semasa walaupun jumlah ini lebih kecil berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini. Sektor perkhidmatan republik itu terus mengekalkan daya saing antarabangnya.

Kerjasama Ekonomi

Dalam bidang kerjasama perdagangan, proses Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) bermula pada 1994 apabila bahagian pertama pengurangan tarif di bawah Tarif Keutamaan Berkesan Sama Rata (CEPT) dilancarkan. Jangkamasa asal yang ditetapkan iaitu 15 tahun, untuk mencapai pasaran ASEAN yang disatukan telah dikurangkan kepada 10 tahun dan penubuhan Kawasan Bebas Perdagangan ASEAN dijangka bermula pada 1 Januari 2003. Untuk memperkukuhkan lagi kerjasama di rantau ini, Menteri-menteri Ekonomi ASEAN dijangka menandatangani perjanjian-perjanjian mengenai harta intelektual dan perkhidmatan, semasa sidang Kemuncak ASEAN Ke-5 di Bangkok pada bulan Disember 1995. Perjanjian-perjanjian tersebut bertujuan melengkap dan menyokong matlamat pencapaian kawasan perdagangan bebas di rantau ini. Di bidang perkhidmatan, perundingan mengenai pembukaan pasaran sektor ini dijangka bermula pada bulan Januari 1996 dan berakhir pada tahun 1998. Sebagai keutamaan, ASEAN bersetuju bahawa rundingan pembukaan pasaran ditumpukan kepada sektor-sektor perkhidmatan kewangan, pelancongan, pengangkutan, perniagaan dan pembinaan. Kemasukan bidang-bidang baru ke dalam AFTA dijangka menyumbang ke arah meluaskan perdagangan intra-ASEAN.

Kumpulan-kumpulan kawasan segitiga pertumbuhan Indonesia, Malaysia dan Singapura (IMS-GT); segitiga pertumbuhan Indonesia,

Malaysia dan Thailand (IMT-GT) dan kawasan pertumbuhan ASEAN Timur yang merangkumi Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA) telah muncul sebagai pusat pertumbuhan baru ASEAN. Interaksi pelaburan di peringkat pihak awam dan swasta telah dipergiatkan dan telah berkembang dengan pelaburan usahasama dalam bidang-bidang pembuatan, pelancongan, pertanian, pengangkutan dan tenaga.

Jumlah pelaburan yang agak besar, samada berasaskan kerjasama dua hala atau tiga hala telah digerakkan di kawasan pertumbuhan tersebut. Syarikat-syarikat Malaysia dan rakan niaga di IMT-GT telah membuat pelaburan melebihi RM8 bilion, manakala di BIMP-EAGA, pihak swasta Malaysia telah menandatangani beberapa Memorandum Persefahaman untuk mengendalikan pelbagai projek berjumlah lebih dari RM400 juta. Di IMS-GT, kaitan perhubungan di antara Johor dan Wilayah Riau masih tidak kukuh, walaupun syarikat-syarikat Malaysia telah secara tradisinya mengadakan usaha-usaha perniagaan dengan Singapura, rakan ketiga dalam segitiga pertumbuhan. Dengan termeterainya perjanjian Memorandum Persefahaman di antara Singapura, Johor dan Wilayah Riau pada 17 Disember 1994, yang merasmikan kerjasama tiga hala ini, minat pelabur dijangka akan bertambah semula khususnya di antara Johor dan Wilayah Riau.

Satu cabaran yang dihadapi oleh pusat-pusat pertumbuhan kawasan kecil ialah bagaimana merancang kawasan-kawasan yang terlibat ini supaya lebih menarik daripada kawasan-kawasan lain yang lebih maju di dalam dan di luar ASEAN. Tanpa kemudahan-kemudahan infrastruktur yang mencukupi dan skim-skim galakan yang khusus untuk memberi satu kelebihan kepada kawasan ini, maka segitiga pertumbuhan seperti BIMP-EAGA tidak akan berupaya menarik sebahagian besar para pelabur berpotensi untuk melabur di wilayah ini. Dalam tempoh masa awal perkembangannya, kerajaan-kerajaan yang terlibat harus mengambil peranan utama dalam memudahkan keseragaman polisi-polisi pelaburan dan perdagangan sebarang sempadan dan mendorong pihak swasta menjadi lebih aktif dalam memupuk kerjasama ekonomi di kawasan-kawasan kecil ini.

RENCANA 1

KERJASAMA EKONOMI KAWASAN PERTUMBUHAN SEGITIGA DI ASEAN

Pembentukan kawasan pertumbuhan segitiga atau zon-zon ekonomi semakin menjadi penting sebagai strategi pembangunan bukan sahaja di kawasan ASEAN bahkan juga di antara negara-negara di kawasan Asia Pasifik. Di dalam ASEAN, kita perhatikan pengwujudan kawasan pertumbuhan segitiga Indonesia, Malaysia dan Singapura (IMS-GT); kawasan pertumbuhan segitiga Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT) dan juga kawasan pertumbuhan ASEAN Timur merangkumi Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA). Kerjasama ekonomi yang melibatkan Hong Kong, Taiwan dan bahagian selatan China telah mula dijalin. Di Asia Timur Laut, satu lagi kumpulan ekonomi telah diwujudkan, iaitu pembangunan ekonomi kawasan Sungai Tumen, yang merangkumi Chongjin di Korea Utara, Yanji di China dan di utara ke Ussurusk dan timur ke Vostochny di Russia.

2. Rencana ini akan mengenengahkan rasional bagi pembentukan pusat-pusat pertumbuhan ekonomi di dalam kawasan ASEAN, kemajuan yang telah dicapai setakat ini bagi mempertingkatkan pusat-pusat pertumbuhan ASEAN itu dan prospek kerjasama ekonomi.

RASIONAL PEMBENTUKAN PUSAT-PUSAT PERTUMBUHAN EKONOMI DI ASEAN

3. Dengan arah perkembangan semasa yang menuju kepada globalisasi dan liberalisasi, negara-negara masih lagi tidak boleh bertindak secara bersendirian. Saling bergantung dan bekerjasama amat penting untuk menerokai potensi-potensi yang terdapat di kawasan yang terlibat dan menambah keupayaan mereka untuk bersaing. Pembentukan kawasan pertumbuhan segitiga atau zon ekonomi, di samping menggalakkan integrasi ekonomi di antara negara-negara ASEAN juga menambah tarikan kawasan ini sebagai lokasi pelaburan dan pasaran untuk barang-barang pengeluaran. Kerjasama serantau ini juga memperkukuhkan ekonomi kawasan-kawasan ini daripada terjejas oleh perubahan pasaran asing.

4. Melalui proses kerjasama, sinergi pembangunan dapat diwujudkan dengan

mengambil faedah daripada beberapa faktor asli ekonomi yang terdapat dan unsur-unsur pelengkap di antara kawasan yang berdekatan. Pada asasnya, kawasan pertumbuhan segitiga menghubungkan beberapa kawasan berdekatan untuk meningkatkan kerjasama bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih dinamik. Bagi IMS-GT, kekangan sumber seperti air, tanah dan penawaran buruh dihadapi oleh Singapura, sebaliknya Kepulauan Riau mempunyai tanah yang luas dan buruh yang murah. Johor, rakan ketiga di dalam IMS-GT mempunyai tanah serta buruh yang boleh dilatih. Oleh itu, adalah lebih wajar dari segi ekonominya sekiranya Singapura menempatkan semula operasinya yang melibatkan penggunaan buruh yang banyak dan tanah yang luas di Kepulauan Riau dan Johor. Pada masa yang sama, Singapura boleh menawarkan perkhidmatan kewangan dan kepakaran pengurusan untuk pembangunan industri di Kepulauan Riau. Seperti juga di IMT-GT, tanah yang luas di Utara dan Tengah Sumatra memberi peluang untuk pelaburan Malaysia dan kepakaran sektor perladangan. Jelaslah bahawa penggabungan sumber-sumber ekonomi daripada beberapa negara akan mengatasi keupayaan sesuatu kawasan di sesebuah negara secara bersendirian.

5. Kerjasama ekonomi di pusat pertumbuhan ekonomi serantau merupakan satu cara untuk memajukan pembangunan sosio-ekonomi kawasan kurang maju yang terlibat dengan memperoleh faedah ekonomi berskala, pelengkapan proses pengeluaran dan pengembangan saiz pasaran. Dalam keadaan ini, program kerjasama pembangunan ekonomi kawasan telah dijadikan sebahagian dari Rancangan Pembangunan Kebangsaan negara-negara yang terbabit. Indonesia dan Filipina mempunyai polisi untuk menggalakkan pertumbuhan berlaku di luar kawasan yang lebih maju. Kalimantan Timur dan Barat, sepertimana juga Sulawesi Utara, kesemuanya merupakan sebahagian daripada Indonesia Timur, adalah kawasan di mana Indonesia telah mencadangkan satu rancangan pertumbuhan strategik. Filipina telah merangka satu rancangan pembangunan yang komprehensif iaitu "Mindanao 2000" bertujuan menyusun semula ekonomi Mindanao. Sedikit sebanyak, Sabah dan Sarawak juga telah menikmati insentif khas dengan adanya usaha kerajaan menggalakkan lebih banyak pelaburan di kawasan "Eastern Corridor". Thailand pula sedang membangunkan "Southern Sea Board" bagi mengatasi masalah struktur pembangunan yang bertumpu di pusat. Hasil

pertumbuhan melalui kerjasama ekonomi dijangka akan menjana faedah jangka masa panjang kepada negara-negara yang terlibat.

6. Kerjasama ekonomi kawasan pertumbuhan segitiga dalam rangka ASEAN adalah satu usaha untuk menggalakkan arah baru pelaburan bagi sektor swasta. Telah dinyatakan bahawa pertumbuhan segitiga merupakan "market driven regionalism". Peranan pihak swasta dimaksimakan untuk merangsang pertumbuhan manakala kerajaan akan menentukan adanya suasana yang menarik untuk kerjasama ekonomi. Pihak swasta akan menjadi rakan kongsi dan kuasa penggerak yang akan memastikan pembangunan mampan bagi kawasan yang terlibat. Penubuhan Majlis-majlis Perniagaan di kawasan pertumbuhan segitiga membolehkan interaksi dan kerjasama antara pihak swasta di kawasan yang terlibat.

KEMAJUAN DALAM BIDANG-BIDANG KERJASAMA

7. Kemajuan telah dicapai dalam pembangunan dan pengukuhan kerjasama ekonomi di antara ketiga-tiga kawasan pertumbuhan ekonomi ASEAN. Beberapa projek dan program yang melibatkan operasi bersama dan pendekatan khusus bagi memudahkan usaha kerjasama yang rapat di antara negara-negara dalam setiap kawasan kecil telah direncanakan semasa pertemuan rasmi dan tidak rasmi serta hubungan yang diadakan oleh sektor awam dan swasta. Sebahagian daripada usaha ini telah menghasilkan projek usahasama yang meliputi bidang-bidang pembuatan, pelancongan, pertanian, pengangkutan dan tenaga yang dijangka akan menjana pelaburan serta meningkatkan peluang-peluang pekerjaan di wilayah masing-masing.

8. Kerjasama tiga hala antara Singapura, Johor dan Wilayah Riau di Indonesia (IMS-GT) yang dilancarkan pada Disember 1989 telah dirasmikan dengan termeterainya perjanjian Memorandum Persefahaman (MOU) pada 17 Disember 1994. Interaksi pelaburan di kawasan ini telah membawa hasil yang lumayan diperingkat dua hala iaitu di antara Singapura dan Johor serta di antara Singapura dan Wilayah Riau. Setakat Disember 1994, dilaporkan bahawa lebih daripada S\$500 juta pelaburan Singapura telah mengalir masuk ke Riau dengan menyediakan lebih daripada 32,000 peluang pekerjaan. Syarikat-syarikat Singapura melabur lebih RM1.5 bilion di Johor antara tahun 1990-1993 dan mewujudkan lebih

daripada 37,000 peluang pekerjaan. Syarikat-syarikat Malaysia pula melabur sebanyak RM3.4 bilion di Singapura antara tahun 1990-1994.

9. Antara pelaburan di kawasan IMS-GT adalah seperti berikut: penubuhan taman-taman perindustrian/estet seperti Taman Industri Batam (pada permulaan meliputi 500 hektar), kerjasama antara Singapura dan Indonesia; Estet Perindustrian Bintan (meliputi 4,000 hektar), untuk dijadikan pusat pembangunan yang mempunyai industri, perumahan dan aktiviti-aktiviti sokongan untuk rantau Asia Pasifik; Bintan Beach International Resort (meliputi 26,000 hektar); pusat membaiki kapal di Pulau Karimun dan di Pulau Singkep; perhubungan kedua dari Gelang Patah ke Singapura yang mana akan mempercepatkan pertumbuhan pelaburan dan perdagangan; dan perkhidmatan feri antara Tanjung Belungkor dan Changi, Pasir Gudang-Batam dan Pasir Gudang-Tanjung Pinang. Dalam usaha untuk mempercepat dan menyelaraskan proses pembangunan, ketiga-tiga negara telah mengambil daya usaha untuk menerajui bidang kerjasama tertentu, dengan Malaysia mengetuai pembangunan sumber manusia dan pertanian; Singapura memajukan sektor industri dan perkhidmatan; dan Indonesia bertanggungjawab ke atas bidang pembangunan infrastruktur.

10. Di IMT-GT, dengan manfaat pertalian sejarah dan kebudayaan yang telah lama wujud, interaksi ekonomi telah dipergiatkan di antara utara Sumatra, utara Malaysia dan selatan Thailand. Ini terbukti dengan beberapa inisiatif yang dijalankan oleh sektor swasta di kawasan ini. Sejumlah 40 memorandum persefahaman yang melibatkan syarikat-syarikat Malaysia dan rakan niaga di kedua-dua buah negara telah ditandatangani dengan jumlah pelaburan sebanyak RM8 bilion. Di utara Sumatra dan Aceh, projek-projek yang telah dikenalpasti termasuk penubuhan estet industri, pemasangan motosikal, pembinaan hotel, pembangunan telekomunikasi, infrastruktur dan pelabuhan perikanan. Kerjasama di selatan Thailand meliputi pembinaan, penyelenggaraan dan operasi sistem pengangkutan laut antara Lokseumawe, Langkawi dan Satun, pembangunan projek tenaga bebas (IPP) berasaskan bina-milik-operasi; pembangunan teleport; dan pembinaan, penyelenggaraan dan operasi stesen TV swasta untuk kawasan IMT-GT di Langkawi. Satu projek besar yang dirancang ialah "landbridge" yang akan menyambung pelabuhan Pulau Pinang dengan Songkla dan meliputi jalanraya dan jalan keretapi

dengan saluran paip untuk minyak dan gas. Projek ini dianggarkan akan menelan belanja sebanyak US\$2 bilion.

11. Satu kajian oleh Bank Pembangunan Asia (ADB) menganggarkan antara RM39 ke RM51.1 bilion diperlukan dalam tempoh 10 tahun untuk melaksanakan projek-projek pembangunan utama yang telah dikenalpasti di IMT-GT. Dalam usaha untuk menggerakkan sumber kewangan bagi membiayai perdagangan dan pelaburan di kawasan ini, cadangan telah dibuat untuk menubuhkan perkhidmatan bank komersial secara usahasama; mempromosi perkhidmatan perbankan tanpa faedah; dan penubuhan "over-the-counter market" (OTC) terutama untuk membantu pelabur kecil dan sederhana. OTC akan mewujudkan dana pelaburan wilayah dan membolehkan syarikat-syarikat yang layak di rantau ini memperdagangkan saham-saham mereka. Pusat operasi OTC ini dicadangkan bertempat di Pulau Pinang. Sebagai tambahan, "Bangkok International Banking Facilities" iaitu kemudahan perbankan luar pesisir merupakan satu lagi sumber yang sedia ada untuk membiayai keperluan pelaburan di IMT-GT.

12. Kawasan Pertumbuhan Timur ASEAN, Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) yang baru dibentuk, mengandungi Pulau Mindanao dan Pahlawan di selatan Filipina; Sabah, Sarawak dan Labuan di Malaysia Timur; Brunei Darussalam dan Utara Sulawesi, Timur dan Barat Kalimantan di Indonesia. Kawasan kecil ini, secara perbandingan, adalah kurang membangun daripada kawasan pertumbuhan segitiga ASEAN yang lain. Walaupun, ia kaya dengan sumber alam terutamanya logam-logam, kayu-kayan dan hasil laut, kawasan ini mempunyai kurang penduduk kecuali di Mindanao.

13. BIMP-EAGA memerlukan lebih tumpuan daripada pihak kerajaan dalam bentuk sokongan dan inisiatif untuk menggerakkan pembangunannya berbanding pertumbuhan segitiga ASEAN yang lain. Untuk tujuan itu, 13 Kumpulan Kerja telah ditubuhkan yang akan menyelia bidang tertentu seperti pembangunan pelancongan, perhubungan udara dan laut, kerjasama perikanan, perindustrian agro, perhutanan serta pembentukan modal dan perkhidmatan kewangan. Bank Pembangunan Asia juga telah dilantik di bawah program bantuan

teknikal untuk menjalankan kajian berkenaan potensi bidang-bidang kerjasama, mengenalpasti sekatan-sekatan yang menghalang kerjasama serta mengesyorkan dasar-dasar, bentuk institusi dan tindakan lain bagi mempercepatkan pembangunan kawasan ini. Kajian ini dijangka siap pada bulan Mac 1996.

14. Sektor swasta Malaysia telah menandatangani memorandum persefahaman dengan beberapa pihak di kawasan dalam BIMP-EAGA untuk mengendalikan pelbagai projek bernilai lebih daripada RM400 juta. Projek-projek ini termasuk pembangunan rangkaian telekomunikasi dan perkhidmatan; memperluaskan perhubungan udara; minyak dan carigali gas di Mindanao; pembangunan ladang kelapa sawit sebanyak 18,000 hektar di Kalimantan; penubuhan kilang mengetin ikan tuna di Sabah; aktiviti-aktiviti pembalakan di Kalimantan Timur; pembekalan arang batu dari Kalimantan ke Mindanao dan usahasama aktiviti perikanan. Telah dikenalpasti bahawa pergerakan sumber dari segi pembentukan modal dan perkhidmatan kewangan amat penting untuk menarik pelaburan ke kawasan ini. Cadangan telah dikemukakan untuk menubuhkan dana BIMP-EAGA bagi menyokong pelaburan di rantau ini. Dana ini dijangka dapat menawarkan pilihan iaitu melalui ekuiti dan pembiayaan hutang untuk pelaburan yang sesuai. Labuan sebagai pusat IOFC akan dipromosikan sebagai pusat sumber kewangan untuk BIMP-EAGA dengan menawarkan kemudahan dana untuk dilabur secara produktif di kawasan ini.

IV. PROSPEK UNTUK KERJASAMA EKONOMI SETERUSNYA DI KAWASAN PERTUMBUHAN SEGITIGA ASEAN

15. Negara-negara ASEAN sedang bergerak ke arah meliberalisasi dan memudahkan prosedur perdagangan dan pelaburan. Negara-negara ASEAN adalah komited terhadap pewujudan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), yang mana akan meningkatkan aktiviti perdagangan dan pelaburan di kalangan negara-negara ASEAN pada keseluruhannya. Langkah untuk mengurangkan sekatan tarif dan bukan tarif yang meningkatkan bidang kerjasama yang tiada batas sempadan dan yang memudahkan pengendalian aktiviti perdagangan dan pelaburan

akan menyumbang ke arah mewujudkan iklim pelaburan yang kompetitif.

16. Negara-negara yang terlibat dalam proses kerjasama kawasan pertumbuhan segitiga pada masa ini sedang berusaha untuk menyediakan rangka kerja kerjasama ekonomi. Program pembinaan infrastruktur yang sedang berjalan termasuk pembinaan pelabuhan laut dalam dan terminal feri antarabangsa di Kepulauan Riau, tambahan kawasan industri dan peningkatan taraf Pelabuhan Pasir Gudang di Johor; pewujudan zon ekonomi pembangunan sempadan dan "jambatan darat" di Thailand serta perhubungan udara antara Medan-Saturn-Pulau Pinang dan sebagainya. Rangka kerja yang berbentuk polisi pula termasuklah insentif pelaburan "cross-border", perjanjian perlindungan pelaburan dua-hala, polisi liberalisasi "fast-track" perdagangan dan kegiatan penggalakan secara usahasama bagi kawasan ini. Kesemua ini bertujuan meningkatkan pelaburan dan perdagangan di kawasan pertumbuhan itu.

17. Zon kerjasama bagi pertumbuhan ekonomi itu menyediakan potensi yang besar bagi sumber-sumber laut, perhutanan, pertanian, pelancongan, perlombongan dan tenaga serta memberi peluang kerjasama ekonomi yang berfaedah. Saiz kawasan pertumbuhan segitiga dan penduduk keseluruhan iaitu sebanyak 8.5 juta bagi IMS-GT, 21.1 juta bagi IMT-GT dan 28 juta bagi BIMP-EAGA, menyediakan skop untuk menikmati faedah ekonomi berskala. Dengan adanya usaha untuk

meliberalisasikan dasar dan mengatasi kekurangan infrastruktur yang menghindar kegiatan ekonomi, potensi untuk mengembangkan ekonomi kawasan berkenaan adalah amat besar.

PENUTUP

18. Kawasan-kawasan kecil yang terlibat di pertumbuhan segitiga telah lama mempunyai tradisi hubungan perdagangan dan ikatan kebudayaan dan sejarah. Kerjasama ekonomi di peringkat kawasan berkenaan akan memperkukuhkan lagi interaksi ekonomi dan perdagangan serta menggalakkan hubungan antara ASEAN secara keseluruhannya.

19. Masa depan kawasan-kawasan pertumbuhan segitiga di ASEAN akan ditentukan oleh pengaliran pelaburan dan perdagangan ke kawasan itu dan kesediaan serta komitmen negara-negara yang terlibat untuk bekerjasama dalam bidang ekonomi. Perkara utama yang perlu untuk menentukan kejayaan proses kerjasama kawasan kecil ini ialah hubungan yang rapat antara pihak swasta dan kerajaan ke arah melibatkan pembentukan rakan kongsi dan usahasama baru di antara mereka. Sektor swasta yang dinamik dan berkeupayaan untuk melihat peluang-peluang yang wujud dengan pembentukan kawasan pertumbuhan segitiga ini memainkan peranan penting untuk mencapai matlamat ke arah pembangunan pesat di kawasan-kawasan ASEAN yang terlibat.

Ekonomi-ekonomi Asia Timur Laut

Perkembangan pesat ekonomi-ekonomi Asia Timur Laut yang terdiri daripada China, Korea Selatan, Hong Kong dan Taiwan dijangka semakin sederhana hasil daripada dasar-dasar ketat yang digunapakai untuk mengurangkan kepesatan dan pergantungan ke atas simpanan asing. Pada tahun 1995, pertumbuhan ekonomi dijangka berkurangan kepada 7.5% berbanding dengan pertumbuhan purata sebanyak 9% yang dicapai antara tahun 1991-1994. Meskipun tinjauan ini adalah lebih sederhana, rantau ini terus menikmati pertumbuhan eksport yang cerah, aliran modal jangka panjang yang mampan dan daya saing yang bertambah baik. Namun begitu, tekanan-tekanan inflasi masih merupakan risiko utama terhadap usaha-usaha mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Pengeluaran

Pertumbuhan ekonomi **China** pada tahun 1995 dijangka menjadi perlahan kepada 10% (1994:11.8%) iaitu satu paras yang mampan selaras dengan program 16 perkara yang diperkenalkan pada tahun 1993 yang ditegaskan semula pada tahun 1994. Kesan program tersebut yang bertujuan mengembalikan kestabilan ekonomi makro sedang dialami di seluruh negara. Pada tahun 1995, usaha-usaha sedang dipertingkatkan untuk menyederhanakan permintaan agregat termasuk mengurangkan pelaburan awam dan memperlahankan pengeluaran industri. Meskipun usaha-usaha ini diambil, pertumbuhan China masih kukuh disokong oleh permintaan yang kukuh, taraf hidup yang lebih tinggi, kedudukan luaran yang

baik serta permintaan pelaburan yang kukuh daripada industri-industri eksport China. Status MFN yang dikembalikan kepada China oleh Amerika Syarikat pada awal tahun 1995 juga dijangka menyumbang kepada prestasi eksport yang mengagumkan, iaitu pencapaian lima tahun yang berturutan. Prospek pertumbuhan **Taiwan** terus memuaskan dan pada tahun 1995, pertumbuhan KDNK dijangka mencapai 6.3% (1994: 6.1%). Pertumbuhan ini diterajui oleh eksport yang berjaya bersaing dengan barang-barang buatan Jepun di pasaran asing. Penggunaan swasta juga dijangka kekal berada di paras tinggi disebabkan keyakinan pengguna yang kukuh meskipun dalam tujuh bulan pertama tahun 1995 terdapat ketidaktentuan politik disebabkan konflik dengan China. Pelaburan modal masih kukuh kerana projek-projek di bawah Rancangan Enam Tahun dijangka siap pada tahun 1996. Dengan momentum pertumbuhan yang kukuh, **Korea Selatan** telah mula mengetatkan dasar-dasar fiskal dan kewangan untuk memperlahankan pertumbuhan kepada 7.5% pada tahun 1995 (1994: 8.1%). Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi Korea Selatan mungkin melebihi ramalan memandangkan bahawa eksport berkembang dengan kadar yang cepat disebabkan kesusutan nilai sebenar won, pemulihan penggunaan, pertambahan pelaburan kelengkapan, dan aktiviti pembinaan yang kukuh. **Hong Kong** dijangka mengekalkan kadar pertumbuhan yang mantap, iaitu 5.5% (1994: 5.5%). Penggunaan swasta dibendung melalui dasar kewangan yang ketat. Kemerosotan industri runcit dan pasaran hartanah telah juga melembabkan perbelanjaan penggunaan. Walau bagaimanapun, tekanan-tekanan permintaan masih merupakan isu yang memerlukan perhatian dengan pertambahan perbelanjaan untuk menyempurnakan projek-projek infrastruktur yang besar memandangkan bahawa tanah jajahan ini akan dikembalikan kepada China pada tahun 1997. Pergantungan Hong Kong ke atas China dijangka akan bertambah lagi dalam tempoh 36 bulan yang akan datang. Dengan yang demikian, langkah-langkah yang diambil oleh China untuk menghadkan pertumbuhan ekonomi kepada satu digit pada tahun 1995-1996, masalah politik dalam negeri, skandal kewangan dan pertikaian perdagangan AS-China mungkin melembabkan prospek ekonomi Hong Kong.

Jadual 3.3
Asia Timur Laut: Keluaran Dalam
Negeri Kasar, Inflasi dan Imbangan
Akaun Semasa

	1994	1995 ^a	1996 ^u
Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (%)			
China ¹	11.8	10.0	9.8
Hong Kong	5.5	5.5	5.6
Korea Selatan	8.1	7.5	7.2
Taiwan	6.1	6.3	6.4
Kadar Inflasi (%)			
China ²	21.8	17.0	13.5
Hong Kong	8.1	9.0	8.5
Korea Selatan	6.3	6.0	5.8
Taiwan	4.1	4.5	4.2
Imbangan Akaun Semasa (AS\$b)			
China	-0.5	0.0	-1.5
Hong Kong ³	2.4	2.3	3.0
Korea Selatan	-4.7	-3.5	-0.8
Taiwan	6.0	5.5	5.0

¹ KNK.

² Kawasan bandar sahaja.

³ Imbangan perdagangan ketara (AS\$bilion)

^a anggaran

^u unjuran

Sumber: Laporan Negara, Economist Intelligence Unit dan OECD Economic Outlook June 1995.

Inflasi

Permintaan dalam negeri yang kukuh di kebanyakan negara di Asia Timur Laut dan harga-harga import yang lebih tinggi akibat peningkatan nilai yen dijangka menambahkan lagi tekanan inflasi pada tahun 1995. **China** masih dilanda inflasi yang tinggi dan pihak berkuasa telah mengenakan dasar-dasar kewangan yang lebih ketat serta mengenakan semula kawalan harga terhadap beberapa barang asas supaya permintaan dapat dikurangkan. Anggaran rasmi kadar inflasi di kawasan bandar ialah 17% pada tahun 1995 (1994: 21.8%) dan usaha-usaha dijangka dipertingkatkan untuk menambah pengeluaran pertanian dan

mengurangkan kesesakan infrastruktur. Kedua-dua faktor ini merupakan tekanan inflasi. Faktor-faktor lain yang menyumbangkan kepada kadar inflasi tinggi ialah aliran pelaburan asing ke China yang berterusan. Di bawah peraturan baru pertukaran wang asing di China, pelaburan asing harus ditukarkan kepada renminbi. Kadar inflasi di **Taiwan** dijangka bertambah melalui inflasi yang diimport memandangkan industri Taiwan bergantung kepada import bahan-bahan mentah. Dengan ini, kenaikan harga komoditi akan menambahkan lagi tekanan inflasi. **Korea Selatan** juga dijangka mengalami inflasi yang tinggi iaitu 6% (1994: 6.3%) disebabkan oleh keadaan pasaran buruh yang ketat serta faktor-faktor luaran seperti harga-harga komoditi yang tinggi. Tambahan pula, pasaran modal Korea kini dibuka kepada pelaburan asing dan dijangka menarik aliran modal yang lebih banyak. Ini akan menambahkan lagi tekanan inflasi. Di **Hong Kong**, dasar fiskal yang berkembang, ekonomi terbuka serta dasar pihak berkuasa tempatan yang tidak mahu campur tangan dijangka memberi tekanan ke atas permintaan dan mengakibatkan kadar inflasi meningkat (1995: 9.0%).

Perdagangan dan Imbangan Pembayaran

Dengan jangkaan bahawa ekonomi akan tumbuh dengan kukuh pada tahun 1995, prospek perdagangan dan imbalan pembayaran rantau ini adalah menggalakan. Walau bagaimanapun, pertambahan dalam permintaan pelaburan telah menambahkan import barang-barang modal dan telah mengatasi kesan positif peningkatan nilai yen ke atas eksport daripada rantau ini. Dalam suasana perdagangan antarabangsa yang memuaskan, sektor luaran China dijangka kukuh. Walaupun China gagal mencapai keahlian asal Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO), ianya tidak menjejaskan perdagangan antarabangsanya memandangkan bahawa kebanyakan daripada rakan perdagangan utama China terus menikmati pertumbuhan yang kukuh. Walaupun import dijangka bertambah dengan kadar yang lebih cepat, kesannya terhadap imbalan akaun semasa China adalah sedikit. Pada tahun 1995, akaun semasa China dijangka berimbang. Kedudukan akaun semasa **Taiwan** dijangka berada pada paras berlebihan, iaitu AS\$5.5 bilion, walaupun jumlah ini adalah lebih sedikit daripada

jumlah yang dicapai pada tahun 1994 (AS\$6 bilion). Harga bahan-bahan mentah import yang tinggi dijangka dapat diatasi oleh harga barang-barang pembuatan. Kebanyakan eksport Taiwan terdiri daripada barang-barang pembuatan. Tambahan pula, imbalan perkhidmatan dijangka merosot sedikit disebabkan aliran keluar pelaburan asing langsung dari Taiwan ke China dan Vietnam. Walaupun perdagangan Korea Selatan adalah teguh dengan pertumbuhan pelaburan yang kukuh, perbelanjaan yang besar ke atas kelengkapan modal yang diimport dan jentera baru dijangka mengekalkan imbalan akaun semasa pada paras defisit sebanyak AS\$3.5 bilion (1994: AS\$4.7 bilion). **Hong Kong** terus menikmati lebihan akaun semasa iaitu AS\$2.3 bilion. Ekonominya yang terbuka merupakan faktor utama yang menambahkan pelaburan asing langsung ke pulau tersebut.

Negara-negara Membangun Yang Lain

Pengeluaran

Pertumbuhan di negara-negara membangun yang lain dijangka menjadi perlahan pada tahun 1995 memandangkan bahawa beberapa negara dalam kumpulan ini meneruskan dasar-dasar ketat berikutan krisis kewangan Mexico, sementara negara-negara yang lain telah mengenakan dasar-dasar bertujuan untuk mengelakkan tekanan ke atas ekonomi hasil dari pertumbuhan yang pesat. Beberapa negara sedang mengalami tekanan ke atas harga, kadar pertukaran wang asing benar dan imbalan pembayaran. Pada tahun 1995, KDNK Asia Selatan, Amerika Latin, Afrika dan Timur Tengah secara kumpulan dianggarkan sebanyak 5.6% (1994: 6.3%).


Di kalangan negara-negara ini, **Asia Selatan** dijangka mencatatkan pertumbuhan yang paling kukuh iaitu 8.8% (1994: 8.5%). Pertumbuhan dijangka diterajui oleh India dan Pakistan yang mengalami pertumbuhan eksport yang kukuh. Aliran modal yang lebih perlahan dan kesan ketara kepesatan memaksa negara-negara di rantau ini menggunakan dasar-dasar kewangan yang lebih ketat. Tekanan ke atas kadar faedah di India disebabkan oleh defisit fiskal yang besar dan memaksa kerajaan melancarkan kempen di peringkat nasional bertujuan menambah simpanan

dan mengurangi hutang awam. Pakistan pula telah melancarkan dasar-dasar berorientasi luaran dan deregulasi di sektor industri dan perkhidmatan untuk menarik semula minat pelabur asing dalam negara yang sedang dibelenggu masalah.

Pertumbuhan purata **Amerika Latin** dijangka menjadi perlahan kepada 2.7% pada tahun 1995 (1994: 4.6%), sebahagian besar disebabkan oleh pengeluaran yang makin berkurangan di Mexico, Argentina, Peru dan Venezuela. Negara-negara tersebut mudah dipengaruhi oleh turun naik kadar faedah AS dan aliran modal swasta sedang meneruskan usaha menghadkan kesan-kesan kemelesetan akibat penurunan nilai peso Mexico. Di **Mexico** penurunan nilai peso memberi kesan ke atas sektor-sektor utama. Pertumbuhan ekonomi dijangka negatif, 2% pada tahun 1995 (1994: 3.5%). Walau bagaimanapun, eksport meningkat dengan ketara pada suku pertama tahun 1995 dan bantuan antarabangsa untuk Mexico telah menstabilkan pasaran kewangan dan pertukaran wang asing. **Argentina** yang menerima kesan terburuk berikutan krisis Mexico dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan iaitu 0.5% (1994: 7.1%) berikutan pengunduran aliran masuk modal. Tinjauan untuk negara-negara tersebut terutamanya strategi anti-inflasi dan pengubahsuaian struktur tertakluk kepada risiko dalam sektor perbankan yang dibeban oleh pinjaman lapuk. Pemberian pinjaman yang tidak cermat pada awal tahun 1990an serta penyeliaan peraturan yang kurang memuaskan membawa kepada keadaan ini. Sementara itu, **Chile** dilindungi daripada krisis yang melanda lain-lain negara di Amerika Latin dan pertumbuhan pada tahun 1995 dijangka mencapai 5.5% (1994: 4.2%). Usaha-usaha pemulihan yang berjaya memajukan sistem keselamatan sosial dijangka meningkatkan simpanan di Chile. Bakal keahliannya dalam NAFTA telah juga melindungi Chile daripada kesan-kesan krisis kewangan Mexico.

Timur Tengah dijangka menyaksikan pemulihan dalam pertumbuhan ekonomi kepada 2.5% (1994: 0.3%) disebabkan oleh prestasi yang lebih baik di negara-negara yang dibelenggu masalah ekonomi. Walau bagaimanapun, kemerosotan harga-harga minyak dijangka memberi kesan negatif kepada negara-negara pengekspor minyak

Carta 3.3
Negara-Negara Membangun -
Petunjuk-Petunjuk Ekonomi Utama



di rantau tersebut. Turki yang menghadapi gangguan ekonomi yang teruk pada tahun 1994 (-5.5%) dijangka pulih pada tahun 1995 (3.2%) setelah import merosot dengan ketara. Di Republik Islam Iran, pertumbuhan dijangka pulih kepada 3.0% (1994: 1.6%) walaupun keadaan di negara tersebut masih tidak boleh diramalkan. Amnya, ketidaktentuan dalam suasana politik rantau, serta kemajuan dalam usaha-usaha berstruktur dan penstabilan ekonomi yang tidak teratur merupakan risiko terhadap pertumbuhan ekonomi rantau ini.

Di **Afrika**, pelaksanaan reformasi struktur dan program-program penstabilan mencerahkan kedudukan pertumbuhan ekonomi yang dijangka mencapai paras 3.2% (1994: 2.7%). Ramalan keseluruhan yang memuaskan ini, walau bagaimanapun tidak menunjukkan keadaan ekonomi yang sama rata di benua Afrika dengan wujudnya keadaan ekonomi yang teruk di beberapa

Jadual 3.4

**Negara-negara Membangun: Pengeluaran, Inflasi Dan
Imbangan Akaun Semasa**

	1994			1995 ^a			1996 ^u		
	KDNK benar (%)	Inflasi ¹ (%)	Imbangan Akaun Semasa ²	KDNK benar (%)	Inflasi ¹ (%)	Imbangan Akaun Semasa ²	KDNK benar (%)	Inflasi ¹ (%)	Imbangan Akaun Semasa ²
Negara-negara membangun	6.2	48.1	-69.3	6.3	19.7	-64.5	6.2	13.2	-77.9
Mengikut rantau:									
Afrika	2.7	33.8	-11.4	3.2	22.9	-14.7	5.4	10.1	-11.6
Asia	8.5	13.5	3.8	8.8	12.1	-1.9	7.8	9.7	-15.8
Amerika Latin	4.6	226.5	-47.3	2.7	38.3	-34.0	3.9	23.6	-33.3
Timur Tengah	0.3	32.3	-14.4	2.5	25.1	-13.9	3.2	15.3	-17.2

¹ Harga-harga pengguna - purata diwajarkan.

² AS\$ bilion.

^a Anggaran.

^u Unjuran.

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 1995.

negara. Afrika Selatan masih dilanda pengangguran yang tinggi, sementara di Nigeria, ketidakseimbangan fiskal yang besar dan usaha-usaha meningkatkan kadar pertukaran dan kadar faedah terus memburukkan keadaan ekonomi negara tersebut. Walau bagaimanapun, negara-negara seperti Kenya dapat mengembalikan kestabilan makro ekonomi dengan bantuan kemudahan penyesuaian IMF.

Inflasi

Kadar inflasi di negara-negara membangun di Asia Selatan, Amerika Latin, Afrika dan Timur Tengah sebagai satu kumpulan dijangka menunjukkan pembaikan yang ketara iaitu 19.7% (1994: 48.1%) tetapi inflasi median dijangka pulih dengan sederhana kepada 8% pada tahun 1995 daripada 11.4% pada tahun 1994. Di Asia Selatan, dengan usaha-usaha penstabilan, tekanan inflasi dijangka dapat dibendung pada kadar 12.1% (1994: 13.5%). Di Amerika Latin, krisis kewangan Mexico, defisit kewangan yang besar serta sektor perbankan yang lemah telah meruncingkan lagi

tekanan harga. Walaupun dasar-dasar yang ketat telah dikuatkuasakan, kadar inflasi di Mexico dijangka berada pada paras 30% pada tahun 1995. Mexico dan Argentina telah menyandarkan kadar pertukaran mereka kepada dolar dan ini dijangka mengurangkan turun naik kadar pertukaran. Usaha-usaha ini adalah ke arah mengurangkan lagi kadar inflasi. Brazil, yang mengalami inflasi yang amat tinggi sebanyak 2,407% pada tahun 1994 telah memperkenalkan program-program penstabilan serta matawang baru yang dipanggil "Real" pada 1 Julai 1994. Kerajaan negara-negara tersebut menjangkakan bahawa kedua-dua strategi ini akan menurunkan kadar inflasi kepada 38% pada tahun 1995. Sebaliknya, Venezuela dijangka terus mengalami kadar inflasi tinggi sehingga 61.7% dalam tahun 1995 (1994: 60.8%). Kadar inflasi di negara-negara Communate Financiere Africane (CFA) dijangka turun ke bawah paras 10%, hasil daripada usaha-usaha pemulihan dan program pengubahsuaian matawang. Asia Selatan terus menyaksikan aliran modal dan negara-negara seperti India dengan kadar inflasi yang dianggarkan sebanyak 9.5% pada tahun 1995 dijangka

meningkatkan usaha-usahanya untuk menyatupadukan langkah-langkah fiskal supaya tekanan inflasi dikurangkan. Kadar inflasi median negara-negara Timur Tengah terus berada pada paras yang tinggi iaitu 25.1% terutamanya disebabkan oleh krisis kewangan yang meruncing di Turki pada tahun 1994. Beberapa dasar penstabilan telah dijalankan di Turki untuk mengatasi kadar inflasi yang tinggi yang diramalkan 70.6% pada tahun 1995 (1994: 106.3%).

Perdagangan dan Imbangan Pembayaran

Defisit akaun semasa negara-negara membangun dijangka semakin pulih, iaitu daripada AS\$69.3 bilion pada tahun 1994 kepada AS\$64.5 bilion pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, beberapa negara yang baru muncul di Asia dijangka mengalami kemerosotan dalam akaun luaran dan mencerminkan tekanan permintaan yang berlebihan. Beberapa negara di Afrika yang merupakan pengeluar komoditi dijangka mengalami pembaikan dalam imbalan akaun semasa dengan pengukuhan ketara harga-harga komoditi pada separuh pertama tahun 1995. Bagi negara-negara CFA yang telah menjalani program-program IMF ke arah mengawal inflasi harga tempatan, mereka dijangka mencapai semula daya saing dari segi kadar syarat perdagangan. Negara-negara Afrika yang dibebankan dengan hutang yang tinggi dijangka mengalami kemerosotan dalam kedudukan akaun semasa berikutan pengurangan pelaburan langsung asing. Negara-negara membangun yang berasaskan eksport minyak, kedudukan luaran mereka dijangka bertambah baik dan pengukuhan harga minyak pada tahun 1995. Di Amerika Latin, usaha "sterilisation" setelah krisis kewangan Mexico telah mengurangkan aliran modal portfolio, dan telah membaiki kedudukan akaun semasa negara-negara tersebut. Prospek perdagangan di negara-negara membangun secara keseluruhan dijangka bertambah baik dengan berkuatkuasanya WTO. Satu laporan¹ Bank Dunia telah menganggarkan bahawa apabila kesemua komitmen pembukaan pasaran dilancarkan, keuntungan daripada perdagangan dunia adalah dijangka berada antara AS\$100 hingga AS\$200 bilion setahun. Satu pertiga daripada keuntungan ini dijangka akan dinikmati oleh negara-negara

membangun. Walau bagaimanapun eksport negara-negara sub-Sahara di Afrika, Asia Selatan dan Timur Tengah yang merupakan pengimport makanan, dijangka merosot apabila subsidi dihapuskan secara perlahan-lahan. Untuk negara-negara pengekspor makanan pula, peluang baru dijangka wujud dan mendorong mereka untuk menambahkan pengeluaran dan eksport makanan.

Prospek Bagi Tahun 1996

Pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 1996 dijangka sama seperti pada tahun 1995 iaitu sebanyak 4%. Prospek pertumbuhan ekonomi di kebanyakan negara-negara perindustrian diramalkan baik memandangkan risiko-risiko yang mengancam pertumbuhan tanpa inflasi telah reda. Dalam pada itu, perkembangan-perkembangan menggalakkan yang dialami pada tahun 1994-1995 termasuk penyatuan dasar fiskal, diramal akan berakhir pada tahun 1996. Pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian diramal berkembang lebih perlahan dari tahun 1995 iaitu kepada 2.4%.

Pertumbuhan ekonomi **AS** diramal menjadi perlahan sehingga 2.3% pada tahun 1996 dari hampir 3% yang dijangka pada tahun 1995. Kerajaan negara itu dijangka mengamalkan dasar kewangan yang ketat memandangkan ancaman inflasi masih belum terhapus dan penggunaan kapasiti yang tinggi jika pun tidak melebihi, masih hampir ke paras yang konsisten dengan pertumbuhan tanpa inflasi. Kemelesetan ekonomi **Jepun** sudah berakhir dan prospek untuk pulih semakin cerah sejak pertengahan bulan Ogos 1995 didorong terutamanya oleh kejatuhan nilai yen. Pertumbuhan diramal berkembang sebanyak 2% pada tahun 1996 didorong oleh peningkatan permintaan dalam negeri dan sumbangan sektor luaran yang lebih kecil. Pada bulan September 1995 Kerajaan Jepun memperkenalkan pakej bernilai yen 14.2 trilion (kira-kira AS\$140 bilion) untuk merangsangkan permintaan dalam negeri bagi barangan dan perkhidmatan menerusi projek-projek awam, subsidi kepada petani-petani dan pembelian hartanah untuk memperbaiki aliran urusan hartanah. Kesan pakej tersebut dijangka akan dapat dirasakan mulai pertengahan tahun 1996.

¹ World Development Report 1995. "Workers in an Integrating World", April 1995.

Pertumbuhan ekonomi di **Eropah** diramalkan berkembang perlahan sedikit iaitu sebanyak 2.8% daripada 3% pada tahun 1995. Ekonomi **Jerman** dijangka berkembang pesat sebanyak 4% pada tahun 1996 didorong oleh penggunaan yang tinggi berikutan pengurangan cukai yang menyumbang kepada kenaikan pendapatan boleh guna. Pertumbuhan ekonomi **Perancis** diramal menjadi lebih sederhana sehingga 2.7% pada tahun 1996 berbanding 3% pada tahun 1995, berikutan kejatuhan secara perlahan kadar penggunaan sumber manusia, walaupun upah berkemungkinan akan terus meningkat. Di **UK**, pertumbuhan KDNK diramal meningkat kepada 3% pada tahun 1996 setelah mengalami kelembapan pada tahun 1995 berikutan komitmen kerajaan untuk mengekalkan kadar inflasi yang rendah dan mencapai kedudukan ekonomi yang kukuh menerusi penyatuan fiskal.

Rantau **ASEAN** diramal berkembang sebanyak 7.8% pada tahun 1996, dengan negara-negara ahli meneruskan perlaksanaan dasar kewangan secara sederhana sementara kadar inflasi diramal turun kepada 6%. Pelan induk **Thailand** untuk tempoh 1995-2000 bertujuan mewujudkan tabungan dalam negeri yang lebih tinggi dan faedah dari pertumbuhan ekonomi diagihkan secara lebih adil. Bagi tahun 1996, pertumbuhan diramal mencapai 8.6%. Thailand juga sedang memulakan suatu program untuk membangun negara itu sebagai sebuah pusat kewangan serantau bermatlamat menarik lebih banyak pelaburan asing langsung ke sektor perbankan dan insurans. **Filipina** dijangka mengekalkan perlaksanaan pakej fiskal dan liberalisasi ekonomi yang dijangka dapat mendorong mencapai pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.6% pada tahun 1996, sementara inflasi dikawal pada paras 6.5%. Dengan perkembangan eksport yang lebih perlahan dan permintaan dalam negeri yang rendah pertumbuhan KDNK **Singapura** dijangka sebanyak 6.9% pada tahun 1996. Kekukuhan nilai dolar Singapura dapat mengawal inflasi pada paras 2.2%. Matlamat Rancangan Pembangunan Lima-Tahun **Indonesia** yang Ke Enam ialah untuk mengekalkan pertumbuhan KDNK sebanyak kira-kira 7.5% pada tahun 1996 dan membendung inflasi di bawah paras 10%. Pertumbuhan KDNK **Vietnam** dijangka terus berkembang pesat sebanyak 10% pada tahun 1996, dengan sektor pembuatan sebagai

penggerak utama pertumbuhan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pesat dijangka menambah tekanan ke atas inflasi. Pertumbuhan ekonomi **Malaysia** diramal sebanyak 8.5% berikutan peningkatan usaha untuk menghindar ekonomi daripada berkembang terlampau pesat.

Pada tahun 1996, ekonomi negara-negara lain di Asia Timur terus mengamalkan dasar kewangan yang ketat kerana kebanyakan negara-negara cuba mengawal tahap perkembangan daripada menjadi terlampau pesat. Pertumbuhan diramal dapat disederhanakan kepada 7% pada tahun 1996. Inflasi akan terus menjadi masalah sulit terutamanya jika harga bahan-bahan mentah terus kekal pada tahap yang tinggi dan kadar pertukaran matawang antarabangsa tidak memberangsangkan. Ekonomi **China** dijangka berkembang dengan lebih perlahan pada kadar 9.8% ekoran usaha Kerajaan untuk mengelakkan pertumbuhan dua digit dan mengawal inflasi pada paras 13.5%. Kadar pertumbuhan ekonomi **Taiwan** diramal akan terus berada pada tahap tinggi iaitu 6.4% berikutan pertumbuhan permintaan yang terus kukuh sementara inflasi dibendung pada paras 4.2%. **Korea Selatan** mengekalkan kadar pertumbuhan melebihi 7%. Ekonomi yang kukuh dijangka merangsangkan lagi permintaan tetapi dasar fiskal dan kewangan yang ketat mungkin dapat membendung inflasi pada paras 5.8%. Pertumbuhan ekonomi **Hong Kong** dijangka stabil pada 5.6% sementara inflasi pada paras 8.5%. Prospek ekonomi Taiwan dan Hong Kong terus bergantung kepada keadaan politik dan situasi ekonomi di negara China.

Pada tahun 1996, dengan terlaksananya penyusunan semula struktur ekonomi dan bertambahnya keupayaan **negara-negara membangun** di Asia Selatan, Amerika Latin, Afrika dan Timur Tengah untuk menghadapi cabaran-cabaran dasar berikutan kemasukan modal yang banyak, pertumbuhan diramal mencapai 6.1%. Pertumbuhan ekonomi Amerika Latin dijangka pulih semula setelah pasaran kewangan rantau tersebut kembali stabil. Pertumbuhan ekonomi negara-negara pengeksport minyak di Timur Tengah terus bergantung kepada perkembangan pasaran minyak antarabangsa. Sekiranya harga minyak terus naik pada tahun 1996, perdagangan negara-negara

pengekspor minyak akan bertambah pesat. Prospek harga komoditi yang lebih baik dijangka mendorong pertumbuhan negara-negara yang sangat bergantung kepada eksport komoditi. Berikutan kian meningkatnya pemulihan ekonomi negara-negara di Asia Selatan, aliran masuk modal asing dijangka turut meningkat, seterusnya menggalakkan pertumbuhan bagi tahun 1996. Ekonomi Afrika menunjukkan kemajuan apabila negara-negara di bawah program penyesuaian struktur yang dianjurkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) membuka peluang pelaburan serta mengawal kenaikan inflasi.

Isu-isu Ekonomi Dunia

Suasana ekonomi dunia, dikuatkan oleh kepesatan perdagangan dunia dan memanfaatkan faedah dari inflasi yang terkawal, adalah jauh lebih baik dari beberapa tahun yang baru lalu. Prospek yang lebih cerah ini meningkatkan lagi kemungkinan penyatuan pasaran barangan, perkhidmatan dan modal yang lebih mendalam. Peningkatan perdagangan dan pelaburan menghasilkan faedah-faedah yang lebih banyak dan meluas dengan menyediakan peluang-peluang yang kian bertambah untuk pengkhususan sementara insentif pelaburan dan pemindahan teknologi berlipat ganda. Walau bagaimanapun, di sebalik keadaan yang menyenangkan ini, cabaran-cabaran asas dan penting masih wujud. Sementara negara-negara perindustrian perlu meneruskan dasar-dasar jangka sederhana ke arah memelihara satu pemulihan ekonomi yang berpanjangan, negara-negara membangun perlu mengambil kesempatan daripada suasana luaran yang baik, termasuk harga komoditi yang tinggi untuk menguatkan langkah-langkah reformasi dan meneruskan usaha-usaha untuk mencapai kestabilan makro ekonomi. Negara-negara perindustrian baru perlu meneruskan dasar-dasar sedia ada untuk mengaut keuntungan daripada pertumbuhan yang berpanjangan dengan membendung inflasi dan membuka pasaran mereka kepada perdagangan dan pelaburan.

Setelah beberapa tahun menghadapi kemelesetan yang bermula pada awal tahun 1990an, **negara-negara perindustrian** mula melalui perkembangan pesat, tetapi masih terdapat

risiko-risiko yang perlu diambilkira, antaranya kesan negatif yang masih berlanjutan berikutan pergolakan pasaran pertukaran wang asing pada enam bulan pertama tahun 1995 dan kemungkinan pasaran kewangan antarabangsa menggeledak semula sebagai reaksi terhadap keadaan kewangan awam yang lemah di banyak negara. Di beberapa negara, kebimbangan terhadap peluang-peluang pekerjaan juga boleh menghalang perbelanjaan pengguna lebih daripada jangkaan. Dengan itu, pencapaian dan pengendalian keadaan makro ekonomi yang stabil adalah penting bagi memberikan sokongan kepada pertumbuhan yang mampan di kalangan negara-negara perindustrian.

Pada masa yang sama, berbagai-bagai langkah positif telah diambil oleh negara-negara perindustrian untuk mencapai pertumbuhan yang mampan. Persaingan di pasaran barangan telah diperkukuhkan melalui perjanjian-perjanjian serantau dan antarabangsa, sementara inovasi-inovasi peraturan dan teknologi, terutamanya di pasaran kewangan, dijangka meningkatkan persaingan dan kecekapan. Beberapa buah negara telah berjaya memperbaiki keanjalan pasaran mereka. Cabaran yang dihadapi ialah untuk memastikan kejayaan ini dapat dikekalkan. Pengawasan yang berterusan adalah perlu untuk membendung inflasi dan usaha-usaha tegas diperlukan untuk melaksanakan tugas rumit dan penting untuk mengurangkan defisit dan hutang awam yang banyak, tambahan pula komitmen fiskal kian bertambah kerana penduduk yang semakin mempunyai ramai golongan tua. Sungguhpun beberapa langkah telah mula dilaksanakan di beberapa negara untuk memperbaiki ketidakseimbangan fiskal terutamanya berkaitan dengan defisit struktur banyak lagi perlu diusahakan. Di kebanyakan negara perindustrian, defisit fiskal masih terlalu besar dan ini akan menghadkan ruang untuk bertindak andai berlakunya kemerosotan dan kelembapan aktiviti ekonomi. Disebabkan itu, program pengukuhan fiskal yang berkesan untuk jangka masa sederhana merupakan suatu jaminan bagi mengekalkan pertumbuhan yang kukuh.

Selain itu, kemajuan yang lebih progresif dalam meningkatkan peluang pekerjaan dan mengurangkan pengangguran juga penting. Kejayaan di bidang ini adalah penting bukan sahaja

untuk menyumbang ke arah pertumbuhan pengeluaran melalui pengurangan pembaziran sumber manusia tetapi akan meringankan kesulitan dalam masyarakat yang disebabkan oleh wujudnya pengangguran pada kadar yang tinggi dan berpanjangan. Peningkatan produktiviti yang cepat juga diperlukan. Negara-negara perindustrian perlu memastikan bahawa pasaran sentiasa terbuka dan berdaya saing supaya lebih cekap dan berinovasi yang mana akan membawa kepada kenaikan taraf hidup. Sungguhpun diakui bahawa perubahan pesat di pasaran boleh memberikan kesan kurang baik kepada kumpulan-kumpulan tertentu dan industri, perubahan-perubahan ini boleh ditangani dengan cara menambah keupayaan untuk penyesuaian, bukan dengan memperlambatkan kadar proses perubahan, atau dengan mengadakan halangan-halangan terhadap perdagangan dan pelaburan melalui dasar-dasar perlindungan yang dikatakan memelihara kepentingan pekerja-pekerja atau memulihara alam sekitar.

Kemajuan yang pesat di **negara-negara membangun** beberapa tahun kebelakangan ini masih mengaburi kepelbagaian di kalangan negara dan wilayah. Perbezaan dari segi prospek ekonomi di kalangan negara-negara membangun dan beberapa negara peralihan menunjukkan kepelbagaian dan tahap komitmen terhadap program-program penstabilan, keadaan politik yang sulit dan tidak menentu dan/atau pemerintahan yang lemah. Walaupun pertumbuhan dijangka pulih di negara-negara Sub-Sahara dan negara-negara peralihan, masih banyak risiko yang dihadapi. Dalam pada itu, masih banyak negara yang mengalami pertumbuhan yang lemah dan taraf hidup yang susah, sementara negara-negara yang lain tidak berubah keadaannya atau semakin mundur. Walaupun harga komoditi yang bertambah baik dijangka meningkatkan pendapatan negara-negara berpendapatan rendah, kenaikan ini adalah sementara disebabkan oleh kejutan peralihan dan unsur-unsur daya pusingan yang biasanya berlaku di pasaran komoditi. Berikutan arah aliran jangka panjang harga komoditi biasanya merosot, oleh itu adalah sangat perlu pengurusan yang berhemat dipastikan bagi memanfaatkan pertambahan dalam pendapatan luar jangka ini.

Penyatuan negara-negara membangun dalam ekonomi dunia dan sistem kewangan antarabangsa menyediakan peluang yang baik kepada negara-negara tersebut untuk meningkatkan prestasi ekonomi dengan menambah kadar tabungan oleh kerana akses yang lebih mudah kepada modal asing. Walau bagaimanapun, dalam tahun-tahun kebelakangan ini proses penyatuan ini membawa risiko juga, terutamanya perubahan aliran masuk modal secara mendadak seperti yang dialami oleh Mexico yang boleh mengancam kestabilan. Seperti yang boleh dilihat dari pengalaman Mexico, pengurusan ekonomi yang tegas dan sistem kewangan dalam negeri yang kukuh dengan peraturan-peraturan kawalan dan penyeliaan yang bersesuaian adalah perlu, kerana pasaran kewangan dan modal yang global mengurangkan ruang untuk negara-negara membuat kesilapan dasar.

Walaupun krisis kewangan Mexico adalah suatu krisis yang dialami oleh sebuah negara dan bukannya meluas sehinggakan boleh menggugat arah-aliran modal swasta ke negara-negara membangun, krisis itu membuktikan betapa pentingnya polisi-polisi yang baik bagi mengekalkan keyakinan pasaran kewangan. Walaupun tindak balas pasaran kewangan terhadap kemerosotan nilai peso Mexico boleh dianggap sebagai keterlaluan, adalah diakui bahawa defisit akaun semasa Mexico tidak mampan dan ekonominya perlu diubahsuai. Apabila krisis keyakinan berlaku, kesannya boleh muncul secara mendadak dan merosakkan, dan kesannya akan dirasai juga oleh negara-negara lain yang mengalami keadaan yang sama. Oleh kerana hal ini, kebanyakan negara membangun mengenakan peraturan-peraturan tertentu untuk mewujudkan semula kestabilan ekonomi dan sebagai benteng kepada sebarang perubahan tak menentu aliran portfolio jangka pendek.

Dengan kesan jangkitan krisis kewangan Mexico dibendung elok, secara keseluruhannya, aliran modal swasta ke negara-negara membangun dijangka pulih semula pada paras sebelumnya walaupun tidak seperti yang dapat dilihat dalam tempoh tiga tahun sejak 1991. Di beberapa negara membangun di Asia Timur dan Selatan, pasaran

kewangan dan modal masih teguh hasil daripada komitmen yang kuat terhadap penyusunan semula struktur. Walaupun begitu, perubahan-perubahan permintaan sentimen pasaran yang berlaku dengan cepat memerlukan pengawasan untuk memelihara kestabilan kewangan dalam dan luar negeri dan mengekalkan pertumbuhan. Kebanyakan negara mengenakan peraturan ke atas aliran jangka pendek dan ini dapat mengelakkan dari pergerakan modal yang mendadak. Namun begitu, langkah-langkah itu tidak dapat menggantikan dasar ekonomi makro dan kadar pertukaran yang baik. Sebagai hasilnya, banyak negara-negara di Asia Selatan dan Timur dan Amerika Latin telah menyedari tentang pentingnya diamalkan dasar kewangan yang ketat dan fiskal yang bersepadu untuk mengurangkan tekanan ke atas harga, kadar pertukaran benar dan imbalan pembayaran serta juga memastikan aliran masuk modal tidak mengakibatkan kadar penggunaan yang tinggi dan menggantikan tabungan dalam negeri.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, arah aliran untuk meliberalisasi lagi pasaran-pasaran telah dilakukan oleh negara-negara maju dan membangun untuk menambah persaingan dan supaya lebih efisien. Pertumbuhan yang membanggakan di beberapa negara membangun terutamanya di Asia dan Amerika Latin adalah disebabkan oleh usaha-usaha yang bersungguh-sungguh dan berterusan untuk mewujudkan dan meningkatkan suasana perdagangan dan pelaburan yang terbuka. Usaha-usaha pembaharuan dan penstabilan yang dijalankan dijangka meningkatkan integrasi negara-negara membangun ke arah memasuki pasaran kewangan,

perdagangan dan modal dunia. Usaha-usaha tersebut telah menyebabkan negara-negara itu mudah menghadapi cabaran-cabaran ekonomi global. Negara-negara perindustrian juga telah menikmati faedah dari pembaharuan ini, terutamanya semasa ekonomi mereka sendiri perlahan baru-baru ini di mana pertumbuhan yang tinggi di negara-negara membangun menolong mengekalkan pertumbuhan dan pengeluaran dunia.

Walaupun bagaimanapun, di samping faedah-faedah yang boleh dinikmati daripada regim perdagangan terbuka, masih ada banyak halangan perdagangan di kedua-dua negara maju dan membangun. Komitmen untuk membuka pasaran dagangan kadang-kala dihadkan oleh dasar perlindungan di pasaran import, termasuk pengurusan perdagangan antarabangsa menerusi langkah-langkah sehalu dan dua hala. Ancaman sekatan perdagangan oleh negara-negara pedagang melemahkan komitmen negara-negara untuk menyertai pasaran berbilang hala dan terbuka. Komitmen yang merosot terhadap sistem berbilang hala di negara-negara ekonomi utama boleh mendorong golongan-golongan tertentu menekan supaya mengenakan semula langkah-langkah perlindungan daripada mengambil langkah-langkah untuk meneruskan proses penyusunan struktur. Terdapat agenda yang belum selesai di peringkat berbilang hala termasuklah berhubung dengan sektor pertanian di mana proses liberalisasi masih terbatas. Memandangkan tugas di masa hadapan, semua negara berupaya untuk mendapat faedah sekiranya bekerjasama untuk memperbaiki prestasi mereka di atas kejayaan yang telah melahirkan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

RENCANA 2

PERDAGANGAN PERKHIDMATAN ANTARABANGSA

Tinjauan Keseluruhan

Sejak dua tiga dekad yang lalu, sektor perkhidmatan menjadi semakin penting. Kini, sektor perkhidmatan menyumbang bahagian terbesar daripada keluaran negara kasar dan pekerjaan di hampir semua negara maju, juga di sesetengah negara membangun. Pertumbuhan sektor perkhidmatan disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk kepesatan urbanisasi, perkembangan sektor awam, peningkatan permintaan untuk perkhidmatan perantara yang digunakan sebagai input kepada sektor-sektor lain dan peningkatan permintaan bagi perkhidmatan pengguna. Akses yang cekap kepada perkhidmatan, khususnya kepada perkhidmatan pengeluaran yang termoden diakui sebagai faktor utama dalam menentukan daya saing sesebuah ekonomi itu.

Sejak pertengahan 1980an, banyak jenis perkhidmatan yang dahulunya dianggap tidak berkemampuan diperdagangkan, kini boleh diperdagangkan. Perubahan ini dimungkinkan terutamanya oleh kemajuan pesat dalam telekomunikasi dan teknologi maklumat di samping proses liberalisasi dan kelonggaran dalam industri perkhidmatan, perdagangan luar dan rejim pelaburan yang berlaku seluruh dunia. Malahan, pelaburan asing langsung (FDI) yang berperanan penting dalam pengeluaran dan pembekalan perkhidmatan bersama dengan pengaliran guna tenaga secara meluas di peringkat antarabangsa menjadikan perdagangan antarabangsa dalam sektor perkhidmatan bertambah penting. Juga, ketika Rundingan Pusingan Uruguay bagi Perjanjian Perdagangan Berbilang Hala, dimensi antarabangsa sektor perkhidmatan, khususnya dasar dan polisi yang mempunyai kesan ke atas perdagangan dalam sektor ini telah dibincangkan dengan terperinci dalam usaha menggubal satu Perjanjian Am Perdagangan Perkhidmatan (General Agreement on Trade in Services -GATS).

Pertumbuhan Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa

Sehingga tahun 1980an, keupayaan yang terbatas bagi mengangkut berbagai jenis perkhidmatan di mana pengeluaran dan pengguna

berjauhan antara satu sama lain telah menyebabkan jumlah perdagangan perkhidmatan jauh lebih kecil jika dibandingkan dengan perdagangan barangan. Seperti ditunjukkan di Jadual 1, pada tahun-tahun 1980an, bahagian perdagangan perkhidmatan komersil² dalam eksport dunia telah berkembang pada kadar yang lebih cepat jika dibandingkan dengan perdagangan barangan. Walau bagaimanapun, peningkatan yang mendadak itu tidak berlaku di dalam dekad 1970 - 1990 di mana bahagian pasaran perkhidmatan komersil eksport dunia berkisar pada 17% hingga 19%. Komposisi perdagangan di dalam perkhidmatan komersil walau bagaimanapun, menunjukkan perubahan yang ketara dalam tempoh yang sama, di mana 'barangan lain dan perkhidmatan' menjadi komponen-komponen yang paling cepat berkembang dalam perdagangan perkhidmatan komersil. 'Barangan lain dan perkhidmatan' (atau ringkasnya, 'perkhidmatan lain') berjumlah lebih kurang 51% daripada nilai perdagangan berkaitan dengan pengangkutan, penghantaran barangan, penumpang dan lain-lain perkhidmatan pengangkutan). Menjelang 1990, perdagangan bagi 'perkhidmatan lain' merangkumi 88% daripada nilai pengangkutan bagi urusan yang berkaitan.

Negara-negara maju sebagai satu kumpulan merupakan pengimport dan pengeksport besar perkhidmatan komersil berbanding dengan barangan. Negara-negara maju sebagai satu kumpulan juga lebih mengkhusus kepada eksport perkhidmatan komersil di mana perkhidmatan komersil mempunyai wajaran yang lebih besar dalam jumlah eksport mereka berbanding dengan eksport dunia keseluruhannya. Negara-negara membangun, walau bagaimanapun, semakin ketara dalam perdagangan perkhidmatan antarabangsa seperti yang ditunjukkan di Jadual 2. Kebanyakan negara-negara membangun mengkhusus dalam sesetengah perkhidmatan komersil, khususnya pelancongan. Negara-negara Asia Timur dijangka akan mendahului dalam mengembangkan perdagangan perkhidmatan di kalangan negara-negara membangun.

Pada dekad yang akan datang dan selepas itu, corak urusan perkhidmatan antarabangsa dijangka berubah lebih ketara lagi memandangkan batasan dan sekatan fizikal dan bukan fizikal kepada perdagangan perkhidmatan akan hapus dengan cepat. Dalam hubungan ini 'perkhidmatan yang berasaskan pengetahuan', termasuk perdagangan kejuruteraan, perundingan dan lain-

² termasuk juga pengangkutan (penghantaran barangan dan penumpang); perjalanan; lain perkhidmatan peribadi; dan pendapatan harta.

Jadual 1
Perdagangan Barangan dan Perkhidmatan Antarabangsa

	Nilai ^a (Dolar AS, billion)						Kadar Pertumbuhan Nominal (%)			
	1970		1980		1990		1970-80		1980-90	
	Debit	Kredit	Debit	Kredit	Debit	Kredit	Debit	Kredit	Debit	Kredit
Akaun Semasa	393.1	390.6	2,621.2	2,576.6	5,386.3	5,226.3	20.2	19.6	7.4	7.6
yang mana:										
Barangan	271.5	279.8	1,813.8	1,832.7	3,547.0	3,505.6	20.3	19.2	6.3	6.8
Perkhidmatan	121.6	110.8	807.4	744.0	1,839.3	1,720.6	20.0	20.4	9.4	9.0
yang mana:										
Pendapatan pelaburan	29.4	27.7	282.3	267.6	811.7	740.0	26.3	25.0	11.8	11.2
Transaksi rasmi	9.6	7.6	44.0	31.9	52.0	50.7	10.9	15.6	4.5	4.7
Bayaran rasmi	15.6	12.6	93.3	81.7	204.8	178.4	18.1	19.6	8.8	8.2
Perkhidmatan perdagangan	67.0	62.9	387.9	362.8	711.2	751.6	18.0	18.5	7.8	7.7
yang mana:										
Pengangkutan	29.9	25.5	165.3	134.0	254.3	216.4	17.3	17.4	5.1	5.0
Perkapalan	16.5	13.2	88.2	59.7	125.7	91.9	16.2	15.8	4.8	4.1
Penumpang dan lain-lain	13.4	12.3	77.2	74.3	128.6	124.6	18.5	19.0	5.4	5.7
Perjalanan	17.6	17.8	96.7	94.2	234.1	235.2	17.8	17.4	10.1	9.9
Perkhidmatan swasta lain										
dan pendapatan	19.4	19.6	125.8	134.5	282.8	300.0	19.2	20.7	8.7	8.5
Buruh dan pendapatan										
hartanah	4.3	5.3	21.9	22.6	58.4	51.5	16.9	15.2	10.2	8.8
Pendapatan buruh	1.7	2.0	11.8	11.1	29.3	21.9	—	—	—	—
Pendapatan hartanah	2.5	3.3	10.1	11.5	29.1	29.6	—	—	—	—
Lain perkhidmatan	15.2	14.3	104.0	11.9	224.4	248.5	19.8	22.4	8.4	8.4

Sumber: UNCTC berdasarkan data IMF dan Bank Dunia.

^a Perangkaan tersebut menunjukkan jumlah perdagangan dunia mengikut tiap-tiap akaun dan tahun yang berkenaan. 'Dunia' merujuk kepada semua negara yang mempunyai data dalam simpanan IMF dan Bank Dunia (sebanyak 171 negara kesemuanya).

lain perkhidmatan profesional, perkhidmatan teknologi maklumat dan perkhidmatan lain seperti perbankan, insurans, perkhidmatan kesihatan dan pendidikan diramal menjadi sektor barisan hadapan dalam sesebuah ekonomi yang berasaskan sektor perkhidmatan. Pentingnya sektor-sektor ini di peringkat antarabangsa seolah-olah menggambarkan dinamisma di peringkat domestik baik di negara maju mahupun di negara membangun.

Pengantarabangsaaan Perkhidmatan

Kepantasan integrasi perdagangan dunia, diukur berdasarkan nisbah perdagangan kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK), bermula pada pertengahan 1980an, didokong oleh peningkatan pelaburan luar Jepun selepas Perjanjian Plaza Tahun 1985 dan kesan peraturan perdagangan seperti perluasan Kesatuan Eropah dan Perjanjian Perdagangan Bebas US-Kanada. Dengan

Jadual 2
Penyertaan negara maju dan negara membangun dalam eksport
barangan dan perkhidmatan perdagangan

(peratus)

kawasan/negara	Eksport barangan		P'khidmatan perdagangan pengangkutan		Perkapalan		Penumpang dan lain pendapatan		Perjalanan		Buruh dan harta benda		Lain p'khidmatan	
	1970	1990	1970	1990	1970	1990	1970	1990	1970	1990	1970	1990	1970	1990
Maju kawasan/negara-negara	89.7	86.3	90.8	87.0	95.6	88.6	90.5	88.4	84.8	83.1	95.4	92.4	92.2	88.2
Australia dan New Zealand	2.5	1.8	1.8	1.9	1.2	0.7	4.2	3.4	1.1	2.3	0.6	1.5	1.4	1.2
Kanada	7.1	4.9	3.9	2.2	2.2	0.9	1.4	0.3	7.2	3.1	—	—	5.3	3.4
Jepun	8.0	10.6	4.4	6.2	7.9	11.7	6.0	7.6	1.4	1.7	1.0	6.0	4.9	7.6
Kesatuan Eropah	46.2	47.6	53.2	49.6	54.8	49.4	49.4	46.8	50.9	45.9	43.0	48.6	62.5	54.8
EFTA	6.2	6.0	9.1	8.2	19.6	16.2	4.6	4.2	8.9	9.3	1.2	2.1	6.3	7.5
Amerika Syarikat	18.0	14.7	16.5	17.7	8.8	8.3	22.4	24.6	14.4	19.6	45.3	31.3	9.8	12.8
Lain	1.7	1.3	1.9	1.2	1.1	1.3	2.6	1.3	1.4	1.2	4.4	2.9	2.0	0.8
Membangun kawasan/negara-negara	10.3	13.2	9.1	12.9	4.3	11.4	9.5	11.6	15.2	17.0	4.6	10.4	7.8	11.9
Afrika	1.5	1.2	1.2	0.9	0.9	0.8	1.1	1.0	2.0	1.6	0.2	—	1.1	0.6
Asia	3.7	7.5	2.4	7.1	1.4	7.3	3.9	6.7	2.5	7.9	0.6	6.2	2.4	6.8
Amerika Latin	4.8	4.0	5.2	3.6	1.9	2.3	4.1	3.5	10.3	5.3	3.8	1.5	3.8	3.0
Lain	0.3	0.5	0.3	1.3	0.1	1.0	0.4	0.4	0.4	2.2	—	2.7	0.5	1.5
JUMLAH	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100	100.0	100.0	100.0

bagi beberapa negara, perangkaan tahun 1989 digunakan kerana ketiadaan data bagi tahun 1990.

Sumber: UNCTC berdasarkan data IMF dan Bank Dunia.

persetujuan Pusingan Uruguay, pasaran bagi perdagangan barangan dan perkhidmatan dijangka akan berkembang lebih luas di samping pembukaan pasaran bagi tekstil dan barangan pertanian secara keseluruhannya.

Pergerakan modal yang semakin meluas mengukuhkan perdagangan serta rangkaian pelaburan dan perkembangan teknologi, dan langkah ke arah liberalisasi telah mengurangkan halangan pengaliran barangan, perkhidmatan dan faktor-faktor pengeluaran. Ini membawa kepada peningkatan dalam skop pengkhususan antarabangsa yang kemudiannya pula membawa kepada perkembangan urusan ekonomi

antarabangsa pada tahap yang belum pernah berlaku sebelum ini.

Walaupun perdagangan perkhidmatan antarabangsa bukan merupakan satu fenomena baru (pengangkutan, perjalanan, perkhidmatan insurans, umpamanya telah sekian lama menjadi aktiviti perdagangan yang penting) penggunaan kaedah baru yang sentiasa meningkat dan canggih dalam pembekalan (termasuk teknologi maklumat) telah menghasilkan perkembangan yang pesat di dalam urusan perkhidmatan antarabangsa bagi tempoh 10 tahun yang lalu. Bahkan, perkhidmatan mempunyai potensi yang paling besar untuk diubahsuai melalui penggunaan teknologi,

penukaran dan kemajuan strategi pengeluaran serta pengedaran, dan dengan itu dapat menghakis halangan-halangan kepada keupayaannya diperdagangkan di peringkat antarabangsa. Dengan sebab-sebab inilah perkhidmatan dianggap sebagai sektor yang akan menerajui proses globalisasi ekonomi berikutnya.

Tradabiliti

Perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh diperdagangkan atau tradabiliti sektor perkhidmatan ditakrifkan sebagai keupayaan untuk membekalkan perkhidmatan lengkap atau komponennya (perantara) dalam rangkaian pengeluaran perkhidmatan di luar sempadan negara tanpa melibatkan pergerakan pengeluar atau pengguna³. Dengan menggunakan teknologi telekomunikasi dan maklumat, sifat-sifat pengeluaran yang dulunya merumitkan perdagangan perkhidmatan antarabangsa telah berubah dengan pesat. Perubahan skop kemampuan perdagangan meningkatkan potensi berbagai jenis perkhidmatan untuk dihantar dengan segera ke merata tempat di dunia sama ada untuk diproses, atau pun untuk kegunaan terakhir.

Peningkatan perdagangan perkhidmatan akan membawa kepada peningkatan penghantaran melintasi sempadan di mana kemajuan teknologi akan membuahkan lebih banyak aktiviti yang boleh bersaing. Peluang-peluang baru dalam eksport dan import jarak jauh akan dihasilkan. Perdagangan yang lebih besar akan juga menghasilkan pengurangan kos yang lebih banyak, di mana kos untuk maklumat pasaran yang berkaitan dapat dikurangkan dan kos dalam urusan perkhidmatan tersebut menjadi lebih rendah. Faedah kos tersebut semestinya akan mempengaruhi arah aliran perdagangan dan FDI. Bagi negara-negara yang mengimport pula, peningkatan dalam perdagangan perkhidmatan perlu diambilkira apabila merangka dasar untuk sektor tersebut.

Walaupun perdagangan meningkat, pembekalan bagi kebanyakan perkhidmatan, terutamanya perkhidmatan perantara dan perkhidmatan terakhir memerlukan interaksi secara berdepan di antara pengeluar dan pengguna memandangkan terdapat jenis-jenis perkhidmatan yang tidak boleh distor. Ada perkhidmatan yang terkecuali dari ciri ini, di mana perkhidmatan boleh

disalurkan melalui telekomunikasi (seperti perkhidmatan perbankan) atau yang boleh dikemukakan dalam bentuk barangan (laporan pakar perunding atau perisian dalam disket). 'Perkhidmatan jarak jauh' ini diperdagangkan di peringkat antarabangsa sama seperti perdagangan barangan. Oleh yang demikian penyampaian perkhidmatan antarabangsa memerlukan pergerakan faktor-faktor pengeluaran (buruh dan modal) agar dekat dengan pengguna atau memerlukan pengguna menghampiri pengeluar tidak seperti perdagangan barangan di mana barangan melintasi sempadan. Kaedah utama pembekalan melibatkan pergerakan dan modal. Pergerakan modal biasanya dalam bentuk FDI.

Pelaburan Asing Langsung di dalam Perkhidmatan

Dalam tempoh 1980 hingga 1990, lebih kurang tiga perlima aliran global FDI ditumpukan di dalam sektor perkhidmatan. Perkembangan ini berpunca daripada kombinasi beberapa faktor termasuk polisi pelaburan yang lebih liberal merata dunia, kelonggaran peraturan-peraturan yang mengawal sektor kewangan di negara-negara perindustrian, proses integrasi ekonomi Kesatuan Eropah (EU) dan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA), kemunculan negara-negara pelabur baru dari kalangan negara-negara membangun di samping inovasi dalam sektor kewangan dan perkembangan teknologi. Akhir-akhir ini, pergerakan FDI telah didorong oleh penswastaan dan akses kepada pasaran yang lebih liberal. Di ekonomi-ekonomi maju umpamanya, antara pertengahan 1980 dan awal 1990an, peralihan jelas telah berlaku di mana FDI dalam sektor perkhidmatan menggantikan pelaburan dalam sektor perkilangan. Perkhidmatan merupakan sektor terbesar bagi aliran pelaburan keluar langsung bagi AS, Jerman, Perancis dan UK yang berjumlah di antara 46% dan 66% berbanding dengan 35% dan 53% pada pertengahan tahun 1980an.

Namun begitu, disebabkan keperluan berinteraksi antara pengeluar dan pengguna, sejumlah besar pelaburan asing langsung dalam sektor perkhidmatan akan memerlukan kehadiran pengeluar di lokasi kerana pasaran domestik dan antarabangsa tidak boleh diuruskan melalui perdagangan. Oleh kerana tradabiliti bagi

³ The Tradeability of Banking Services: Impact and Implications, United Nations Conference on Trade and Development, 1994.

sebilangan besar jenis perkhidmatan (contoh: perkhidmatan komputer, pengiklanan) masih terhad, FDI merupakan cara pembekalan yang penting bagi penjualan perkhidmatan. Ini jelas dilihat dari peningkatan aliran FDI dalam sektor perkhidmatan di negara-negara membangun. Bagi negara-negara pengimport pula, pergerakan FDI boleh menjadi faktor penting dalam pemindahan kepakaran pengurusan dan teknikal dalam sektor tersebut.

Peranan Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat di dalam Penggunaan Perkhidmatan

Perubahan teknologi dalam berbagai jenis perkhidmatan, khususnya peningkatan penyerapan teknologi maklumat (IT) dalam industri ini telah menukar imej perkhidmatan di mana terdapat kesedaran tentang pentingnya perkhidmatan yang cekap kepada ekonomi. Ini ialah kerana teknologi maklumat meningkatkan kebolehan untuk mengasingkan pengeluaran dan penggunaan maklumat bagi aktiviti-aktiviti perkhidmatan - seperti penyelidikan dan pembangunan (P&P), pengurusan inventori, kawalan kualiti, perakaunan, pengurusan personel, kesetiausahaan, pemasaran, pengiklanan, pengedaran dan perkhidmatan undang-undang telah memainkan peranan penting bukan sahaja dalam industri perkhidmatan malahan juga dalam industri perkilangan atau industri-industri utama.

Kebelakangan ini, kemajuan di dalam teknologi komputer dan telekomunikasi, pertumbuhan dalam penyampaian perkhidmatan jarak jauh termasuk memungkinkan pengeluaran kebanyakan kegiatan perkhidmatan telah meningkat. Kemasukan data, sebagai satu contoh, merupakan salah satu daripada aktiviti perkhidmatan yang pertama, perkhidmatan diproses di lokasi yang jauh dari pemesan. Lagi satu aktiviti perkhidmatan yang semakin meningkat diperdagangkan melintasi sempadan adalah program-program perisian, di mana anak syarikat rakan kongsi di luar negara dipertanggungjawabkan membangun sesuatu perisian dan kemudiannya dihantar secara elektronik ke syarikat induk atau rakan kongsi syarikat. Operasi 'back office' juga diperdagangkan di peringkat antarabangsa sekarang ini dengan melibatkan penghantaran borang yang cepat (contohnya tuntutan insurans atau borang cukai) untuk diproses dan akses secara 'on-line' diterima secara terus oleh sistem komputer syarikat induk. Di sektor perkilangan pula, aktiviti perkhidmatan

seperti reka bentuk barangan, pengurusan logistik, P&P, dan perkhidmatan pelanggan semakin meningkat dikeluarkan di peringkat antarabangsa.

Perkhidmatan merupakan pengguna utama teknologi maklumat, membabitkan lebih 80% pelaburan dalam perkakasan IT di negara-negara seperti UK dan AS. Dari segi industri pula, bank dan institusi kewangan yang lain merupakan pengguna utama teknologi-teknologi baru untuk membekal perkhidmatan. Malahan teknologi maklumat telah membawa perubahan yang besar kepada institusi kewangan yang terulung di dunia sejak satu dua dekad ini. Dengan penggunaan teknologi maklumat, bank-bank berupaya menyediakan berbagai perkhidmatan kepada pelanggan yang jauh daripada lokasi pengeluaran. Inovasi dari segi teknologi telah meluaskan peluang untuk perkhidmatan diwujudkan dalam bentuk barangan yang diperdagangkan di peringkat antarabangsa, seperti penyimpanan perisian dalam disket, filem di dalam pita rakaman, video dan musik dalam cakera padat. Kemajuan dalam teknologi juga mengubah cara kerajaan mengawal industri perkhidmatan. Telekomunikasi pernah disifatkan sebagai perkhidmatan hak monopoli semula jadi kerana kos yang terlibat adalah tinggi bagi menyediakan rangkaian operasi. Di kebanyakan negara perindustrian dan negara membangun, industri ini dikuasai oleh firma swasta yang diselia kerajaan atau dilesenkan khas kepada monopoli awam. Dalam dekad yang lalu, walau bagaimanapun, teknologi baru dan kejatuhan kos peralatan telah meningkatkan persaingan dalam industri ini dan seterusnya mengurangkan halangan untuk penyertaan pelabur-pelabur baru, khususnya bagi jenis perkhidmatan nilai ditambah.

Liberalisasi Dalam Urusan Perkhidmatan Antarabangsa

Sejak pelancaran Pusingan Uruguay pada tahun 1986, arah aliran liberalisasi boleh dilihat di negara-negara maju dan membangun. Liberalisasi transaksi perkhidmatan di peringkat antarabangsa boleh ditakrifkan sebagai satu proses di mana langkah-langkah diambil untuk meluaskan akses pasaran kepada pembekal perkhidmatan asing atau mengurangkan diskriminasi ke atas mereka berbanding pembekal domestik⁴. Akses kepada pasaran boleh dibatasi bukan sahaja oleh dasar tarif, tetapi juga oleh dasar tempatan yang menghadkan persaingan perdagangan. Liberalisasi akan memberi kebebasan kepada pembekal luar

⁴ UNCTC and World Bank, *Liberalising International Transactions In Services*, 1994.

dan pengguna untuk memilih salah satu daripada empat kaedah pembekalan: FDI atau kehadiran entiti komersil, pergerakan pekerja atau pembekalan melintasi sempadan untuk menyediakan perkhidmatan bagi pasaran asing atau melalui pergerakan pengguna ke pasaran pengeluar.

Terma 'liberalisasi perkhidmatan' boleh ditakrifkan sebagai berkurangnya campur tangan dalam urusan industri. Sebagai contoh, campur tangan yang berkurangan dalam menetapkan kadar faedah, atau peruntukan kredit boleh ditakrifkan sebagai liberalisasi sektor kewangan. Walau bagaimanapun liberalisasi dalam bentuk ini biasanya merupakan peringkat awal kepada liberalisasi transaksi di peringkat antarabangsa di mana campur tangan yang berkurangan tanpa pembukaan pasaran yang lebih besar kepada pembekal asing tidak dapat menjamin faedah pada tahap yang maksimum.

Seperti juga dalam sektor barangan, faedah daripada liberalisasi perkhidmatan dinikmati melalui peningkatan kecekapan dalam peruntukan sumber-sumber dan penggunaan. Liberalisasi juga akan menjurus kepada peningkatan dalam FDI dan aliran guna tenaga (selari dengan perkembangan perdagangan luar) dan penyebaran pengetahuan yang akan membawa kepada peningkatan dalam produktiviti penggunaan sumber yang sedia ada. Walau bagaimanapun, persaingan yang tidak saksama merupakan kebiasaan dalam industri perkhidmatan, dan dengan yang demikian, suasana perdagangan bebas bukanlah satu perkara yang boleh memberi hasil optima dari perspektif kebangsaan.

Memanglah di pasaran yang besar dan yang mampu menampung ramai pembekal-pembekal perkhidmatan, liberalisasi domestik akan menghasilkan faedah kepada ekonomi. Walau bagaimanapun, dalam pasaran kecil seperti yang biasanya wujud di kebanyakan negara-negara membangun, liberalisasi peringkat dalam negeri sahaja mungkin tidak memberi faedah yang besar bahkan mungkin pula menambah kerugian sekiranya peraturan-peraturan yang dirangka baik oleh pihak berkuasa digantikan pula dengan gabungan beberapa pembekal kecil tempatan yang mengawal pasaran.

Dalam konteks rundingan Pusingan Uruguay mengenai pembukaan pasaran bagi transaksi perkhidmatan antarabangsa, reformasi dalam sektor perkhidmatan boleh dibahagikan kepada dua kategori am. Yang pertamanya adalah

instrumen dasar yang mempengaruhi kesemua aktiviti ekonomi bukan sahaja sektor perkhidmatan. Beberapa contoh termasuklah dasar mengenai hak milik, pertukaran asing dan pergerakan buruh. Kategori ini dinamakan liberalisasi mendatar. Kebanyakan negara telah membenarkan kenaikan tahap milikan asing dalam ekuiti syarikat, memudahkan prosidur yang melibatkan FDI, melonggarkan syarat penghantaran semula modal atau mengurangkan cukai ke atas urusan pertukaran asing, melonggarkan kuota dan/atau kawalan yang dikenakan ke atas tempoh tinggal pekerja asing.

Kategori kedua ialah reformasi yang digunapakai di peringkat sektoral di mana pembaharuan dikenalpasti di peringkat kaedah pembekalan. Beberapa contoh termasuk menghapus atau mengurangkan peraturan yang dikenakan ke atas FDI dalam sektor-sektor tertentu umpamanya telekomunikasi, ketelusan dalam pendaftaran profesional asing (isu pergerakan personel) dan kelonggaran sekatan tukaran asing bagi pelancong-pelancong (isu pergerakan pengguna).

Hasil rundingan Pusingan Uruguay menunjukkan bahawa sekatan yang dikenakan ke atas perdagangan perkhidmatan masih ketat berbanding dengan peraturan ke atas perdagangan barangan. Ini bukanlah satu perkara yang asing memandangkan Pusingan Uruguay merupakan permulaan kepada proses liberalisasi bagi masa yang akan datang. Pembukaan pasaran yang dijanjikan oleh negara-negara menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tentang keteguhan dasar yang mempengaruhi perdagangan di kalangan industri, kaedah pembekalan dan polisi yang digunakan. Oleh yang demikian pengurangan dalam sekatan tidak akan menggambarkan darjah sekatan yang dikenakan atau kelonggaran yang diberi. Contohnya, jika negara X lebih liberal mengenai perkhidmatan pada permulaan Pusingan Uruguay daripada negara Y, ada kemungkinan negara Y mengekalkan lebih banyak sekatan ke atas akses pasaran dan layanan negara berbanding negara X, walaupun Y telah melonggarkan lebih banyak sekatan-sekatan dari X menjelang tamatnya Pusingan Uruguay pada tahun 1993.

Selain itu, liberalisasi tidak bermakna kesemua peraturan dilonggarkan, kerana persaingan yang bertambah mungkin memerlukan peraturan yang lebih ketat bagi mengawal amalan kurang sihat. Sebaliknya, reformasi dan liberalisasi dasar yang mengawal sektor perkhidmatan perlu

mengambil kira keperluan-keperluan tertentu khusus bagi negara berkenaan. Pada masa yang sama beberapa unsur-unsur asas boleh diterima pakai untuk semua. Antaranya, termasuklah regim FDI yang telus dan perlindungan harta benda intelektual. Liberalisasi di dalam ekonomi secara keseluruhan merupakan jalan yang sebaik-baiknya memandangkan liberalisasi secara 'piecemeal' mungkin tidak berfaedah sekiranya pengeluaran perkhidmatan terakhir, pelancongan contohnya - yang merupakan sebahagian daripada kompleks perkhidmatan pengeluaran dan perantaraan yang merangkumkan perkhidmatan kewangan, pengangkutan dan komunikasi - tidak diliberalisasikan pada tahap yang sama.

Kesimpulan

Perdagangan perkhidmatan bukanlah satu fenomena baru. Apa yang baru ialah perdagangan telekomunikasi dan teknologi memproses data elektronik yang semakin meningkatkan tradabiliti perkhidmatan, sementara FDI semakin berkembang di peringkat antarabangsa. Keputusan Perjanjian Am Perdagangan Mengenai Perkhidmatan (General Agreement on Trade in Services - GATS) menandakan pencapaian yang ketara dalam menyediakan satu rangka peraturan dalam meliberalisasikan perdagangan antarabangsa sektor ini. Perubahan ini dijangka akan memberi kesan yang ketara ke atas dasar Kerajaan dan strategi firma-firma.